'Ad-Durun Nafis'
Mutiara yang Indah

Syeikh Muhammad Nafis Idris al-Banjari
Nukilan Tahun 1200 Hijriah

adebenmahmod@yahoo.co.id

Risalah

Wahdatul Af'al, Asma', Sifat dan Zat

'Ad-Durun Nafis'

'Mutiara yang Indah'

Syeikh Muhammad Nafis Idris al-Banjari

Nukilan Tahun 1200 Hijriah
Disunting
Adebenmahmod 1436H/2015M



Nama lengkap Muhammad Nafis bin Idris bin Husien, lahir tahun 1148 H/1735 M di Martapura, Kabupaten Banjar Kalimantan Selatan.

Syech Muhammad Nafis Bin Idris bin Pangeran Kesuma Negara bin Pangeran Dipati bin Sultan Tahlillah (1660-1700 M) bin Sultan Saidullah (1636-1642 M) bin Sultan Inayatullah (1620-1636 M) bin Sultan Musta'in Billah (1559-1620 M) bin Sultan Hidayatullah (1570-1595 M) bin Sultan Rahmatullah (1545-1570 M) bin Sultan Suriansyah raja Banjar yang pertama memeluk Agama Islam.

Daftar Isi

Muqaddimah

Kata-Kata Aluan

Dengan nama Allah Taala yang Amat Murah pada menganugerahi nikmat yang besar-besar lagi amat menganugerahi nikmat yang seni-seni jua aku (Syeikh Muhammad Nafis Idris al-Banjari) mulai risalah ini.

Bermula segala jenis puji itu tertentu bagi Allah Taala, Tuhan yang memuliakan anak Adam, dan memilih Ia daripada mereka itu akan ulama, dan memilih Ia pula daripada mereka itu akan segala yang zahid (zuhud), dan yang hakim (bijaksana), dan yang karim.

Dan melebihkan Ia daripada mereka itu akan segala orang yang mengenal akan Zat Allah Taala, dan akan segala sifatnya, dan akan segala asma'nya. Dan memerasakan Ia akan mereka itu lazat kasih akan Dia. Dan telah memperlihat Ia akan mereka itu akan hakikat segala asyik daripada bumi dan langit.

Dan rahmat Allah dan selamanya atas penghulu kita Nabi Muhammad menyudahi akan segala nabi,

yang dijadikan ia daripada nur zatNya, dan daripadanyalah dijadikan sekalian perkara. Dan atas segala keluarganya dan sahabatnya yang penghulu segala aulia'. Dan atas segala yang mengikut bagi mereka itu, dan segala yang mengikut bagi segala yang mengikut bagi mereka itu dengan kebajikan hingga hari kiamat.

Tujuan Penyusunan Kitab

Dan kemudian daripada itu maka tatkala adalah pada tahun 1200 daripada hijrah Nabi yang mulia atas empunya dia daripada Tuhannya rahmat yang amat lebih (melimpah) dan haluan yang sangat suci, (bahawa)sanya telah meminta daripada aku setengah daripada segala saudaraku membukakan kiranya Allah Taala akan hatiku dan hatinya dengan cahaya musyahadah dan makrifah, bahawa kuperbuatkan baginya suatu risalah yang sempurna dengan bahasa hari(an) yang lemah lembut supaya memberi manfaat dengan dia akan orang yang tiada mengetahui akan bahasa Arab yang nyata:

1. pada menyatakan wahdatul zat, dan wahdatul sifat, dan wahdatul asma', dan wahdatul af'al
2. supaya melepaskan ia akan segala orang yang salik itu daripada SYIRIK KHAFI, dan dari pada ria', dan 'ujub bagi segala amal

3. menyatakan setengah dari segala ilmu hakikat
4. menyatakan setengah daripada maqam fawam ahli tasauf yang mulia
5. dan menyatakan setengah daripada segala musyahadah mereka itu bagi Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.

Maka aku perkenankan akan dia kepada berbuat risalah (kitab) yang demikian itu, dan jika tiada aku ahli (mahir) bagi yang demikian itu sekalipun. Padahal aku minta tolong kepada Allah Taala dan berpegang atasNya pada mentahqiqkan (meneliti semula) yang dituntut dan yang dimaksudkan atas sekira-kira barang yang zahir (nampak) ia bagiku daripada segala perkataan orang yang mempunyai minat dan syuhud.

Nama Kitab

Dan kunamai akan risalah ini 'Ad-Durrun Nafis', ertinya 'Mutiara yang Indah', (tujuannya) pada menyatakan wahdatul af'al dan asma' dan sifat dan zat yang suci. Padahal harap aku daripada Allah Taala bahawa memberi manfaat Ia dengan risalah ini akan segala orang yang murid, dan bahawa dijadikan-Nya kiranya akan dia tulus ikhlas bagi zat hak Allah Taala, dan pertaruhan (bekalan) bagiku dan bagi mereka itu pada hari kiamat.

Pembahagian isi Kandungan

Dan aku aturkan akan dia atas satu muqaddimah (pendahuluan), dan empat fasal (bab), dan satu khatimah (penutup). Dan aku sebutkan di dalamnya beberapa masalah yang tinggi-tinggi yang diambil daripada beberapa kitab ahli tasauf.

Perkara perkara yang Membatalkan Suluk

Bermula ini satu muqaddimah pada menyatakan segala perkara yang membatalkan ia akan orang yang salik, dan yang menegahkan dia daripada 'SAMPAI' kepada Allah Taala. Ketahui olehmu hai salik! Bahawasanya wajib atasmu itu memeliharakan dirimu daripada segala maksiat sama ada maksiat itu batin atau zahir, dan melepaskan dirimu daripada segala yang membatalkan sulukmu, dan daripada yang menegahkan dikau daripada 'sampai' kepada Allah Taala.

Bermula segala perkara yang membatalkan suluk itu amat banyak:

1. Setengah daripadanya 'kasala', ertinya segan (malas) daripada mengerjakan ibadah serta kuasa mengerjakan dia. Kata Abu Zar : "........ barangsiapa berperangai dengan kasala, maka

tiada memperolehi ia akan bahagia di dalam dunia dan di dalam akhirat.

2. Dan setengah daripadanya ‘futur’, ertinya lemah daripada mendirikan ibadah sebab bimbang dengan dunia (takut kerugian ataupun terlepas).
3. Dan setengah daripadanya ‘malal’, ertinya jemu dan puas daripada memperbuat ia kerana berulang-ulang. Padahal belum lagi (ber)hasil yang dikehendakinya.

Syahadan adalah sebab yang demikian itu sekaliannya kerana kurang iman, dan dhaif (ke)yakin(an), dan buta mata hati, dan mengikutkan nafsu akan hawanya.

Perkara perkara yang Menghalang Sampai kepada Allah Ta’ala

Dan yang menegahkan (menghalang) ‘sampai’ orang yang salik kepada Allah itu pun amat banyak jua, dan setengah daripadanya:

1. ‘SYIRIK KHAFI, ertinya syirik yang tersembunyi (yang kebanyakan manusia tidak terperasan tentangnya) iaitu membangsakan (menisbahkan) perbuatan yang ‘TERBIT’ daripada makhluk itu kepada makhluk jua, tiada kepada Allah Taala. Kerana HAKIKATnya segala

perbuatan itu sekaliannya ‘TERBIT’ daripada Allah Taala jua. Dan adalah makhluk itu seolah-olah alat perbuatan Allah Taala. Maha Suci Allah Taala mengadakan sesuatu dengan alat.

2. Dan setengah daripadanya ‘ria’’, ertinya memperlihatkan ibadatnya itu kepada orang yang lain, atau menghendaki dengan ibadatnya itu akan suatu yang lain daripada Allah Taala, jikalau syurga sekalipun (beribadah kerana mengharapkan sesuatu imbuhan).

3. Setengah daripadanya ‘sum’ah’, ertinya mengkhabar-khabarkan ibadahnya yang ikhlas kerana Allah Taala itu kepada orang supaya dibesar (dihebohkan) orang dan dimuliakan orang.

4. Dan setengah daripadanya ‘ujub’ (berasa bangga dan hairan dengan kelebihan diri sendiri berbanding orang lain), ertinya membesarkan dan membanyakkan akan ibadahnya, padahal tiada dilihatnya akan dia (semua keupayaannya) itu (hanyalah) nikmat (pemberian) daripada Allah Taala.

5. Dan setengah daripadanya ‘suqut oleh wuquf maal ‘ibaadah’, ertinya yang mendindingi iaitu memandang ia akan ibadahnya itu (berasal) daripada (usaha) dirinya, tiada dilihatnya akan dia

(segala ibadah itu pada hakikatnya tidak lain ialah kurniaan) nikmat daripada Allah Taala (ke) atasnya.

6. Dan setengah daripadanya 'hijab', ertinya dinding iaitu dinding ibadah daripada segala cahayanya dan perhiasannya dan keelokannya, kerana tiap-tiap satu amal ibadah itu baginya (ada) cahaya dan perhiasan dan keelokannya. Maka berhentilah orang salik kepadanya daripada melihat akan perhiasannya dan keelokannya (beribadah kerana terpikat dengan ibadah tersebut). Maka sukacitalah ia (orang itu) dengan dia (apa yang dilihatnya itu), dan lupalah ia akan Allah Taala daripada sebab yang demikian itu.

Syahadan, tiada yang melepaskan akan dikau salik daripada segala perkara bahaya yang tersebut (dia atas tadi) itu melainkan syuhudmu dan pandangmu akan bahawasanya segala perbuatan itu sekaliannya 'terbit' daripada Allah Taala jua, seperti yang lagi akan datang kenyataannya pada fasal (bab) yang pertama (selepas) ini, insyaAllah Taala.

Dengan nama Allah Ta'ala, Yang Maha Pemurah.., Aku mulai risalah ini,

الحمد لله الذى كرم بنى آدم واصطفى منهم العلماء

Ber-awal segala puja dan puji itu tertuju bagi Allah Ta'ala, Tuhan yang memuliakan anak Adam dan memilih Ia daripada mereka itu akan ulama-ulama.

واختار أيضا منهم الزهاد والحكماء والكرماء

Dan memilih Ia pula dari mereka itu akan segala yang Zahid dan yang Hakim dan yang Karim

واختار أيضا منهم الزهاد والحكماء والكرماء

Dan melebihkan Ia dari mereka itu akan segala orang yang mengenal akan Dzat Allah Ta'ala dan akan segala SifatNya dan segala Asma'Nya.

واختار أيضا منهم الزهاد والحكماء والكرماء

Dan memerasakan Ia akan mereka itu akan nikmat kasih akan Dia dan telah memperlihat Ia akan mereka itu akan Hakekat segala sesuatu dari bumi dan langit.

والصلاة والسلام على سيدنا محمّد خاتم الأنبياء

Dan rahmat Allah dan salamNya atas Penghulu kita Nabi Muhammad, menyudahi Ia segala nabi.

الذى خلق من ذاته ومنه جميع الأسياء

Dan dijadikan ia dari Nur DzatNya, dan daripadanya lah dijadikan sekalian perkara.

وعلى آله وأصحابه السادة الأولياء

Dan bagi semua keluarganya dan sahabatnya yang penghulu segala aulia'.

وعلى التابعين وتابعي التابعين لهم بإحسان الى يوم الجزاء

Dan untuk semua yang mengikuti bagi mereka itu kebajikan hingga hari pembalasan.

وبعد فلما كانت سنة ألف ومائتين من هجرة النبي الكريم على صاحبها ربّه أفضل الصلاة وأذكى التسليم

Dan kemudian daripada itu maka, takkala pada tahun seribu dua ratus tahun hijriyah nabi yang mulia atas mempunyai badi (permulaan) dari pada Tuhannya, rahmat yang amat lebih dan haluan yang amat suci.

قد المس مني بعض الإفخوان فتح الله قلبي وقلبه بنور المشهادة والعرفان

bahwasanya telah meminta daripadaku setengah setengah daripada saudaraku membukakan kiranya Allah Taala akan hatiku dan hatinya, dengan cahaya musyahadah dan makrifah.

قد المس مني بعض الإفخوان فتح الله قلبي وقلبه بنور المشهادة والعرفان

Dan aku buatkan baginya satu risalah yang ringkas dalam bahasa rumi yang lemah lembut, supaya memberi manfa'at dengan dia akan orang yang tiada mengetahui bahasa Arab yang nyata.

في بيان وحدة الذات والصفت والأسماء والأفعال لتخلص السالكين من الشركالخفى والرياء والعجب للأعمال

Pada menyatakan wahdatul Dzat dan wahdatul Sifat dan wahdatul Asma' dan wahdatul Af'al, supaya melepaskan ia akan segala orang-orang salik itu dari syirik khofy dan daripada riya' dan 'ujub bagi segala amal.

وبيان بعض الحقائق ومقامات القوم الكرام ومشاهداتهم لذى الجلال والإكرام

Dan menyatakan setengah daripada segala ilmu Hakekat, dan menyatakan setengah daripada maqam kaum ahli tasauf yang mulia, dan menyatakan setengah daripada segala musyahadah mereka itu bagi Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemulian.

فأجبته إلى ذلك وإن لم أكن أهلا لذلك

Maka aku perkenankan akan dia berbuat risalah yang demikian itu, dan jika tiada aku ahli bagi yang demikian sekalipun.

مستعينا بالله ومعتمدا عليه في تحقيق للطلوب والمقصود على حسب ما ظهرلي من أقوال أهل المنة والالشهود

Padahal aku meminta tolong kepada AllahTaala dan berpegang atasnya pada mentahqiqkan yang dituntut dan yang dimaksudkan atas se umpama barang yang dzohir ia bagiku daripada perkataan orang yang mempunyai minat dan syuhud.

وسميتها الدر النفيس في بيان وحدة الأفعال والأسماء والصفات والذات ذات التقديس

Dan aku namai risalah ini DARUL NAFIS, artinya * MUTIARA INDAH * yang menyatakan wahdatu Af’al dan Asma’ dan Sifat dan Dzat yang suci.

راجيا من الله أن ينفع بها المريدين وأن يجعلها خالصة لوجهه وذخيرة لي ولهم يوم الدين

Padahal harapan aku daripada Allah Ta’ala, bahwa memberi manfaat Dia dengan risalah ini, akan segala orang yang murid, dan bahwa dijadikanNya kiranya akan dia tulus ikhlas bagi Dzat hak Allah Ta’ala dan pertaruhan bagiku dan bagi mereka itu pada hari qiamat.

ورتبتها على مقدمه وأربعة فصول وخاتمة وذكرت فيها المسائل السفية المأخوذ من كتب الصوفيه

Dan aku aturkan akan Dia atas satu muqadimah dan empat pasal, satu khatimah dan aku sebutkan didalamnya beberapa masaalah yang tinggi-tinggi, yang diambil dari beberapa kitab ahli tasauf.

مقدمة فى بيان الأشياء ألتى تبطل السالك وتمنعه من وصول إلى الله تعالى

Ber-awal ini satu muqadimah pada menyatakan segala perkara yang membatalkan ia akan orang yang salik dan yang menegahkan dia, dari pada sampai kepada Allah Ta'ala.

Ketahui olehmu hai salik. bahwasanya wajib atasmu itu memelihara akan dirimu daripada segala maksiat, maksiat bathin atau dzahir, dan melepaskan dirimu dari segala yang membatalkan sulukmu, dan dari yang menegah di kau dari pada sampai kepada Allah Ta'ala.

Ber-awal, segala yng membatalkan suluk itu amat banyak. Setengah dari padanya *كسل * artinya segan daripada mengerjakan 'ibadat serta kuasa mengerjakan dia. Kata Abu Dzar Jamhir barangsiapa berperangai 'kasal', maka tiada diperolih ia akan bahagia didalam dunia dan didalam akhirat. Dan setengah daripadanya *فتور* ertinya lemah daripada mendirikan 'ibadat sebab bimbang dengan dunia.

Dan setengah daripadanya *ملل* ertinya jemu dan puas daripada memperbuat ia berulang2, padahal belum lagi hasil yang dikehendakinya. syahadan, adalah sebab yang demikian itu sekeliannya kerana kurang iman dan dhoif yaqin dan buta matahati, dan mengikutkan nafsu akan hawanya.

Dan yang menegahkan sampai orang yang salik itu kepada Allah Taala itupun amat banyak jua dan adapun setengah daripadanya * شرك خفى * ertinya syirik yang tersembunyi, iaitu membangsakan segala perbuatan yang terbit daripada makhluk kepada makhluk jua, tiada kepada Allah Taala, kerana haqiqatnya segala perbuatan itu sekeliannya terbit dari Allah Taala jua, dan adalah segala makhluk itu seolah2 alat perbuatan AllahTaala, maha suci Allah mengadakan sesuatu dengan alat.

Dan setengah daripadanya *رياء* riya', ertinya memperlihatkan 'ibadatnya kepada orang yang lain atau menghendaki dengan 'ibadatnya itu akan sesuatu yang lain daripada Allah Taala, jikalau syurga sekalipun.

Dan setengah daripadanya *سمعة *sum'ah ertinya mengkhabar2kan 'ibadatnya yang ikhlas kerana Allah Taala itu kepada orang supaya dibesar orang dan dimuliakan orang.

Dan setengah daripadanya *عجب* ‘ujub, ertinya membesarkan dan membanyak akan ‘ibadatnya, padahal tiada dilihatnya akan dia itu nikmat daripada Allah Taala. Dan setengah daripadanya

سقط أوله وقوف مع العبادة

yang mendindingi iaitu memandang ia akan ‘ibadatnya itu daripada dirinya, tiada dilihatnya akan dia nikmat daripada Allah Taala atasnya.

Dan setengah daripadanya *حجب* hijab ertinya dinding iaitu dinding ‘ibadatnya daripada segala cahayanya dan perhiasannya dan keelokannya, kerana tiap2 tiap2 satu amal ‘ibadat itu baginya cahaya dan perhiasan dan keelokannya, maka berhentilah orang salik kepadanya daripada melihat akanperhiasannya dan keelokannya, maka sukacitalah ia dengannya dan lupalah ia akan Allah Taala, daripada sebab yang demikian itu. Syahadan, tiada yangmelepaskan akan dikau salik daripada segala segala perkara bahaya yang tersebut itu, melainkan syuhudmu dan pandangmu akan bahawasanyasegala perbuatan itu sekeliannya terbit daripada Allah Taala jua,seperti yang lagi akan datang kenyataannya pada fasal yang petama ini. Insyaa Allah Taala.

PASAL 1

Tauhidul Af ’al

الفصل الأول في بيان توحيد الأفعال

Bermula fasal pertama pada menyatakan Tauhid Af'al, Ertinya mengesakan Allah taala pada segala perbuatan. Ketahui olehmu hai salik, bahawasanya tiada yang melepaskan akan dikau daripada segala bahaya yang tersebut itu melainkan **pandang dan syuhud mu** akan bahawasanya segala perbuatan yang berlaku di dalam alam ini, sekeliannya daripada Allah Taala/ Tuhan, sama ada perbuatan itu baik pada rupanya dan pada haqiqatnya, seperti iman dan taat, atau jahat pada rupanya tiada pada haqiqatnya. Seperti kafir dan ma'siat, kerana kafir dan ma'siat itu pada haqiqatnya baik jua, kerana terbit dari yang baik iaitu Allah Taala.

Dan tiap2 yang terbit daripada Allah Taala itu baik jua pada haqiqatnya, tetapi jahat kedua pada rupanya, kerana syara' datang ia mencela akan dia.

Bermula kifiat memandang segala pebuatan itu daripada Allah taala**,** iaitu seperti bahawa dipandangnya dan syuhudnya dan dilihatnya

dengan mata kepalanya dan dengan matahatinya, bahawasanya segala perbuatan terbit ia daripada Allah taala, dan menbangsakan kepada yang lain dari Allah taala itu majazi (bayangan) jua, tiada pada haqiqatnya, kerana pada haqiqatnya, sekelian perbuatan itu daripada Allah taala jua, sama ada perbuatan itu daripada dirinya atau lainnya.

Sama ada dengan * مباشرة* atau *تولّد * . Dan ertinya perbuatan dengan **mubashirah** itu iaitu yang berserta dengan qudrah yang baharu, seperti gerak qalam pada tangan orang yang menyuruh. Dan ertinya perbuatan dengan **tawallud** itu, iaitu yang jadi daripada perbuatan yang mubasyirah, iaitu seperti jatuh batu daripada tangan melempar.

Bermula dalil yang menunjukan bahawasanya, segala perbuatan itu terbit daripada Allah taala jua, tiada daripada lainNya itu, Firman Allah taala yang tersebut didalam Alquran:

والله خلقكم وما تعملون

“Bermula Allh taala jua menjadikan kamu dan barang perbuatan kamu”.

Kata syeih Muhammad ibnu Aljazuli rahimallah dalam syarah 'Dalail AlKhairat':

“Tiada terbit daripada sesaorang daripada segala hambanya, perkataan dan tiada perbuatan dan

tiada gerak dan tiada diam, melainkan telah terdahulu pada ilmuNya dan qadha Nya dan qadar Nya, 'intiha'."

Dan firman Yang Maha Tinggi:

وما رميت إذ رميت ولكن الله رمى

"Tiada engkau melempar, ya Muhammad, tatkala berusaha engkau melempar, tetapi Allah Taala jua yang melempar tatkala itu".

Dan lagi sabda Nabi s.a.w:

لا حول ولاقوة إلا بالله العلى العظيم

"Tiada daya pada menjauhkan ma'siat, dan tiada upaya pada mengerjakan ta'at, melainkan dengan daya dan upaya Allah taala, Tuhan yang Maha Tinggi lagi Maha besar jua"

Dan lagi sabda Nabi s.a.w:

لا تتحرك ذرة إلا بإذن الله

"Tiada bergerak di dalam alam ini suatu zarah jua pun melainkan dengan dengan izin Allah taala".

Syahadan, maka manakala sentiasa engkau memandang kepada yang demikian itu, dan tahqiqlah engkau dengan Dia, nescaya lepaslah engkau daripada segala bahaya yang tersebut itu, dan engkau lihat dengan mata kepalamu dan dengan matahatimu akan segala ujud majazi ini hapus ia di bawah nur ujud Allah yang sebenarnya.

Syahadan, manakala engkau kekalkan akan syuhudmu dan pandangmu akan bahawasanya keadaan segala perkara perbuatan itu terbit daripada Allah taala, dengan membiasakan dia sedikit, kemudian sedikit hingga tahqiqlah dengan yang demikian itu.

Maka apabila tahqiqlah engkau dengan dia dan jadilah kepadamu itu musyahadah, ertinya berpandangan dan tiada bercampurlah dengan pandanganmu zahirmu dan bathinmu, maka baharulah sampai engkau kepada maqam wahdatul Af'al, ertinya Esa Allah taala pada segala perbuatan, iaitu 'ibarat ia daripada fana' segala perbuatan makhluk ini, sama ada perbuatan dirinya atau perbuatan lainnya, Sekeliannya itu fana' di bawah perbuatan Allah taala, sekira2 tiada dilihat di dalam akuan itu sesuatu, perbuatan Allah taala jua, sama ada perbuatan itu baik atau jahat.

Dan dalil yang menunjukkan dan mentahqiqkan bahawasanya kejahatan itu daripada Allah taala, iaitu yang tersebut Dalam hadis, yang warid dari doa Nabi s.a.w, :

اللهمّ إني أعوذ بك منك

"Hai Tuhanku berlindung aku kepadaMu daripada kejahatan daripada Mu"

Maka jika tiada kejahatan daripada Allah taala, nescaya tidak minta berlindung Nabi s.a.w kepada Allah taala daripada kejahatan. Maka nyatalah daripada itu bahawasanya, segala perbuatan yang baik dan jahat itu daripada Allah taala jua datangnya, seperti yang telah terdahulu sebutnya itu. Dan lagi firman Allah taala :

قل كلّ من عند الله

"Katakan olehmu ya Muhammad, segala kebajikan dan kejahatan itu daripada Allah".

Syahadan, dibuat mithal oleh setengah daripada arifin billah kerana menghampirkan faham jua, tiada pada haqiqatnya. Maka adalah segala makhluk hamba itu seperti umpama wayang yang diperlakukan akan dia oleh dalang, barang bagi jelas kelakuan. Maka seperti tiada bagi wayang itu punya perbuatan sendirinya. Demikian itulah hamba dengan Tuhannya.

Tetap, sesungguhpun seperti demikian itu, ya'ni segala perbuatan itu perbuatan Allah taala jua. Maka jangan engkau melampaui akan syariat Muhammadiyah, iaitu wajib atasmu mengerjakan segala yang disuruhkan Allah taala dan rasulNya dan wajib atasmu menjauhkan segala yang dilarangNya, jangan sekali2 'itiqadkan gugur taqlif syara'. Maka jikalau engkau 'itiqadkan gugur taqlif

syara' nescaya jadilah engkau kafir zindiq 'nauzubillah min zalik'. Dan berpeganglah engkau pada syariat Muhammadiyah serta engkau 'itiqadkan dan engkau pandang dengan matahatimu akan segala perbuatan itu daripada yang baik dan jahat sekeliannya perbuatan Allah taala. Dan lepaslah engkau pada ketika itu daripada syirik khofi dan lain2nya, daripada segala perkara bahaya yang tersebut itu.

Kerana manakala engkau pandang kepada dirimu ada baginya sesuatu perbuatan**,** nescaya tiada sunyi engkau itu daripada syirik khofi, dan jikalau lepaslah engkau daripada syirik jalli sekalipun. Dan erti syirik jalli itu, menduakan Allah taala adaNya, tetapi tiada lepas dan keluar dari syirik.
Seperti firman Allah taala :

وما يؤمن اكثرهم إلا وهم مشركون

"Dan tiada percaya kebanyakan daripada mereka itu akan Allah taala, melainkan padahal mereka itu menyengkutukan akan Dia, dengan sebab memandang ujud yang lain daripadaNya dan dengan sebab mengatakan perbuatan itu kepadanya".

Sebab itulah kata Sidi Umar Alfarish r.a :

ولو خطرت لي في سوال إرادة – على خاطري سهوا قضيت بردتي

jikalau terlintas di dalam hatiku suatu kehendak akan yang lain daripada Mu atas khatirku, jikalau dengan lupa sekalipun, necaya aku hukumkan diriku itu dangan murtad".

Dan tetapi, engkau dikatakan di dalam kitabNya musyrik, dikeluarkanNya daripada orang yang mu'min yang sebenarnya, sebab yang demikian itu. Dan tiada dibilangkanNya engkau daripada orang yang menjalani akan jalan mu'min yang sebenar, melainkan bahawa engkau pandang , tiada Yang berbuat, tiada Yang Hidup dan tiada Yang maujud di dalam ujud ini, hanya Allah taala sendirianNya jua. Maka ketika itu baharu engkau dinamai mu'min yang sebenarnya, dan lepaslah engkau daripada syirik khofy, dan keluarlah engkau pada ketika itu daripada dinamai Allah taala di dalam Al-Quran dengan Musyrik.

Dan jadilah engkau pada ketika itu daripada ahli Tauhid yang sebenarnya, daripada orang yang mempunyai syurga yang bersegera di dalam dunia ini. Maka lazimlah olihmu atasnya kerana bahawasanya, ia sifat yang amat mulia, yang menetapkan akan dikau kepada yang lagi akan datang di dalam akhirat. Maka engkau perolihi akan nikmat dua syurga, seperti firman Allah taala :

ولمن خاف مقام ربّه جنّتان

bermula dua syurga itu bagi barangsiapa yang takut ia akan maqam TuhanNya.

Syurga yang pertama itulah syurga ma'rifah akan Allah taala dia dalam dunia ini. Dan syurga yang kedua itulah syurga yang maklum, yang disebutkan Allah taala akan dia di dalam AlQuran yang mulia, iaitu di dalam akhirat, yang lagi akan datang.

Kata Syehuna Alalimul Alamahtu Biharul 'Arik' Maulana as Syeh Abdullah ibn Hijazi Lis syarkawi Al Masry rahimallah: *"Barangsiapa masuk kepada syurga ma'rifah di dalam dunia ini, nescaya tiada rindu ia kepada syurga akhirat dengan nisbah daripada bidadarinya dan mahligainya, bukan dengan nisbah daripada barang yang hasil di sana, ya'ni di dalam akhirat, daripada ru'yah Allah taala dan damping kepada hadrat Allah taala dan ma'rifah akan Allah taala".*

Maka menjauh segala perbezaan antara dua hal itu. Ya'ni hal di dalam dunia ini dan hal di dalam akhirat, kerana bahawasanya barang yang dibukakan atas segala hati orang yang arif di dalam dunia ini. Hanyasanya, iaitu baharu setengah daripada barang yang disediakan olih Allah taala

kepada mereka di dalam akhirat, kerana muliakan mereka itu di dalam dunia ini. wallahu 'alam.

Maka hubaya2, takut olihmu daripada bahawasanya lupa engkau daripada memandang wahdatul af'al itu, yang ia menyampaikan akan dikau kepada memandang kepada memandang keelokan Yang wajib Ujud. Dan takut olihmu bahawa bangsakan dirimu pada mengadakan sesuatu perbuatan barang perbuatan ada ia.

Tanbih ya ihwani. Ertinya : *ini suatu perkataan yang menjagakan hai sekelian saudaraku*.

Bermula hasil kata syeh Abdul wahab as Syarani Qadasallah sirruhu di dalam kitab Al Juahirud Durrur, Ia manqul (dididatangkan) dari perkataan syeh Muhaiyiddin ibn Arabi r.a:

"Bermula segala akuan itu sekelian dinding yang mendindingi daripada memandang haq Allah taala pada hal haq taala jua, Yang berbuat Ia, dibalik hijab akuan ini, tiada ia mendindingi akan kita daripada memandang Allah taala".

Dan adalah mithalnya seperti bayang2 kayu yang dalam air itu, tiada ia menegahkan lalu perahu, hanyasanya yang mendinding itu sangka kita kepadanya jua dan pandang kita kepadanya jua. Maka barangsiapa terbuka daripadaNya hijab itu,

nescaya dilihatnya yang memperbuatkan segala perbuatan itu Allah taala sendirinya. Dan barangsiapa tiada terbuka hijab itu, terdindinglah dengan akuan ini daripada memandang kepada fai'il yang haqiqi, ya'ni yang berbuat sebenarnya, iaitu Allah taala.

Maka tiap2 adalah mazhab kaum pada segala perbuatan hamba itu empat mazhab:

Pertama kaum yang tiada mengetahui mereka itu akan bahawasanya Allah taala itu yang berbuat Ia akan segala perbuatan ini dan hanya di'itqadkannya olih mereka itu bahawasanya yang merupakan segala perbuatan hamba yang baharu itu hamba jua. Dan adalah qudrah hamba itu baharu itu memberi bekas ia pada segala perbuatan hamba yang baharu. Maka iaitu mazhab mu'tazillah yang bi'daah lagi fasik.

Kedua mazhab Jabariah; iaitu kaum yang mengetahui mereka itu dan memandang mereka itu akan bahawasanya segala perbuatan itu sekeliannya dari Allah taala sendiriNya. Dan keraslah atas merekaitu memandang segala perbuatan itu daripada Allah taala sendiriNya. Dan tiada sampai mereka itu kepada menyandar akan segala perbuatan itu bagi hamba, kerana kurang mereka

itu daripada darjat kamal, makatersalahlah mereka itu daripada jalan syariat dengan sebab tiada menyandarkan segala perbuatan hamba itu kepada merekaitu. Maka iaitu 'itiqad zindiq.

Ketiga kaum yang mengetahui mereka itu akan bahawasanya, segala perbuatan itu sekeliannya daripada Allah taala, tetapi ada bagi hamba itu usaha dan ikhtiar. Dan dengan keduanya itulah hamba memperbuat segala perbuatannya dan keduanyalah tempat ta'lik hukum syara', tetapi kedua2nya itu tiada sekali2 memberi bekas pada perbuatan yang baharu, hanya memberi bekas itu Allah taala sendiriNya jua. Maka iaitu As'ariyah ialah 'itiqad yang maqbud (dipegang), yang selamat daripada bahaya dunia dan akhirat, tetapi tiada sampai mereka itu kepada martabat kasyaf kerana terdinding mereka itu dengan sebab mengata usaha dan ikhtiar itu dari hamba jua, tiada dipandang akan segala perbuatan itu daripada Allah taala sendiriNya.

Maka tiap daripada segala thoif (gulongan) yang tiga itu adalah atas penglihatannya itu Ghisyawah (kabur/ keliru) , ya'ni dinding yang menutupi daripada sampai penglihatan merekaitu kepada memandang wahdatul Af'al selama2nya. Mereka

itu di dalam dinding tertutup, tiada sampai kepada maqam kasyaf dan musyahadah dan mukafahah.

Keempat mazhab Ahli Kasyaf, ya'ni orang yang terbuka kepada mereka itu dinding, iaitu kaum yang memandang akan kejadian segala perbuatan itu daripada Allah taala dan keinderaannya itu daripada hamba. Mithalnya seperti qalam orang yang menyurat adalah menjadikan huruf itu orang yang menyurat jua. Dan qalam itu menjadi alat persandaran menyurat jua. Adalah hamba itu seperti qalam tiada baginya perbuatan, dan hanya yang berbuat, orang yang menyuruh jua. Wallahu 'alam. Ya'ni segala yang berlaku di dalam segala alam ini,Allah taala jua yang menjadikan dia Intiha'

Dan lagi kata syech abdul wahab as sya'rani telah menyebutkan syech Muhaiyuddin ibnu Arabi r.a pada bab yang keempat ratus dua puluh dari pada Futuhatul Makiyah akan barang yang menamakan ia akan bahawasanya segala amal itu daripada allah Ta'ala jua hanyasanya menyandarkan allah Ta'ala akan segala amal dan perbuatan itu kepada kita kerana keadaan kita tempat menanggong siksa dan pahala padahal perbuatan itu bagi allah Ta'ala jua pada haqiqatnya tetapi tatkala menda'wi kita pada ketika berhenti di dalam hijab akan bahawasanya segala amal kita

dan perbuatan kita itu bagi kita jua maka menyandarkan Allah Taala itu akandia kepada kita dengan sekira2 da'wi kita berbuat kerana cuba daripada allah ta'ala kepada kita maka apabila masuk kita kepada hadrat ihsan dan maka nipislah dinding hijab nescaya kita lihatlah akan segala amal itu terbit dari allah ta'ala pada kita tiada kita mengamalkan segala amal dan segala perbuatan itu.

Kemudian apabila sampailah kita kepada musyahadah itu nescaya takut kita akan tergelincir kidam (kaki) kita pada barang yang telah menamakan allah ta'ala akan perbuatannya itu kepada kita kerana setengah daripada adab itu bahawa menyandarkan ia akan barangyang telah menamakan allah ta'ala akan sesuatu kepada kita serta pengetahuan kita dengan barang yang telah kita ketahui itu kerana mengamal akan Firman allah ta'ala:

ما أصابك من حسنه فمن الله وما أصابك من شيئة فمن نفسك

“Barang yang mengenai akan dikau daripada kebajikan itu maka iatu daripada allah ta'ala dan barang yang mengenai akan dikau daripada kejahatan itu iaitu dari usaha dirimu.”

Shahadan kata syechuna alaalamah maulana assyech yusuf abu zharah almasry pada ketika

tadarrisnya (mengajarnya) di dalam masjidil Haram tiada harus mengatakan kejahatan itu daripada allah ta'ala melainkan pada maqam ta'alim jua intiha'.

Dan kata syech ibnu hajar di dalam syarah arbain pada sabda nabi saw. Di dalam setengah daripada segala doa iftitah ertinya *bermula kejahatan itu bukan ia daripadamu kerana mengajari bagi adab bahawasanya tiada harus disandarkan kepada allah ta'ala segala yang menghina akandia seperti tiada harus dikata allah ta'ala itu ia menjadikan anjing dan babi dan jika ada ia menjadikan tiap2 sesuatu sekalipun kerana adab* (maka tiap2) adalah menyandarkan perbuatan kepada kita itu kerana menghikayatkan akan firman allah ta'ala jua intiha'

Dan lagi kata syech Abdul Wahab AsSya'rani qadasallahu sirrahu kepada Syechnya Sidi Ali Al Khawas r.a : **(soal)** apa haqiqat usaha mengatakan iman as'ary itu?

(maka jawabnya) r.a : *bermula haqiqat usaha itu iaitu ta'lik irodat mumkin dengan memperbuat barang perbuatan ada ia maka diperolihi taqdir ilahi pada ketika ta'lik irodat itu maka dinamai mereka itu akan yang demikian usaha bagi mumkin pada ma'ani bahawasanya mengusahakan*

munafaat dengan dia itu kemudian daripada sudah berkehendak kepadanya ya'ni berkehendak kepada taqdir ilahi itu

Dan lagi kata Syech Abdul Wahab as Sya'rani qadasallahu sirrahu telah aku dengar akan dia ya'ni sidi ali al khawas r.a *"Segala yang lainnya berkata ia wajib atas hamba itu bahawa mengetahui akan bahawasanya tiada memberi bekas segala2 bagi makhluk pada memperbuat sesuatu daripada sekira2 taqwin hanyasanya baginya hukum jua faqad"* (sahaja, cuma)

Maka fahamkan olihmu kerana bahawasanya kebanyakan manusia tiada dapat membezakan ia antara hukum dan atsar ayat.

Berkata syech ia pula ya'ni Sidi Ali al Khawas ra *"Bermula kenyataan yang demikian itu bahawasanya haq allah ta'ala itu apabila menghendaki ia mengadakan akan harkat atau ma'ani daripada segala perkerjaan yang tiada sah ujudnya melainkan pada segala madahnya* kerana mustahil bahawa berdiri ia dengan sendirinya maka tiada dapat tiada daripada unjudnya mahal (tempat/wadah) yang menzahirkan ia akan taqwin (=keberadaan) perkerjaan ini ya'ni perkerjaan yang tiada berdiri ia dengan sendirinya maka mahal

(tempat hinggap) iaitu hamba yang dihukumkan ia dengan mengadakan maka mumkin ini padahal tiada sekali2 baginya itu atsar dalamnya intiha'

Dan lagi kata Syech Abdul Wahab asSyarani qadassalahu sirrahu : ”Telah aku dengar saudaraku afdaluddin rahimallah ta'ala berkata ia : *” tiada sekali2 bagi mumkin itu qudrah hanyasanya baginya menerima aasar ilahi kepadanya jua kerana bahawasanya sifat itu ya'ni qudrah itu sifat daripada ketetuan tunggal ketuhanan iaitu keadaan yang berkuasa maka mengisbatkan qudrat bagi mumkin itu da'wi dengan tiada dalil”* dan lagi berkata ia ya'ni Syech Afdaluddin rahimallah ta'ala: *”bermula kata kami ini muafakat serta asa'riyah yang mengisbatkat mereka itu bagi qudrat hamba serta menafikan perbuatan daripadanya intiha'*

Dan lagi kata Syech Abdul Wahab Assya'rani qadassalahu sirrahu dan telah menyebutkan olih syech Muhayiddin radiallau anhu pada bab seratus dua puloh daripada ”futuhuhul makiyah”

”Bahawasanya mengisbatkan qudrah bagi mumkin menafikan fa'il daripadanya itu setengah daripada segala masaalah yang amat sukar kerana membawa kepada keadaan fa'lun (dan lagi berkata ia) ya'ni

syech muhayiddin r.a dan tiada membukakan allah ta'ala atasku dengan menghilangkan labisa ya'ni samar pada masaalah ini ya'ni hal keadaan fa'lun padahal bukan fail melainkan pada malam ketika aku menyurat akan tempat ini pada tahun hijrah enam ratus tiga puloh tiga dan sanya sukar atas aku mentafsilkan antara yang usaha yang mengata akan dia kaum ahli sunah dan khalqhi (خلق) yang mengata akan dia kaum mu'tazillah maka mengurniakan taufik allah ta'ala akan daku dengan membukakan penglihatanku atas mula2 kejadian makhluk yang tiada mendahului akan dia makhluk kerana tiada ada ketika itu melainkan Allah ta'ala jua”

Maka firman allah ta'ala bagiku di dalam sirr ku tilik olihmu akan dia di sana mula2 kejadian makhluk adakah perkerjaan itu mewaris labisa dan hairan (maka) sembahku tiada ya rabb (maka) firmannya bagiku seperti demikianlah sekelian barang yang engkau lihat akan dia daripada segala yang baharu tiada bagiku seorang di dalamnya yang memberi bekas dan tiada suatu daripada makhluk maka akulah tuhan yang menjadikan segala asyia' pada sisi asyia' tiada dengan asbab maka adalah dengan perkerjaan ku jadikan **nafhun** pada isa dan kejadian **taqwin** pada **thoir**, (maka)

sembahku baginya ya rabb maka apabila adalah seperti demikian itu makatiap2 adalah dirimu yang engkau **khitob** dengan katamu perbuat olihmu dan jangan engkau perbuat, maka firmannya) bagiku apabila aku perlihatkan akandia kau dengan sesuatu daripada ilmuku maka lazimlah olihmu adab kerana bahawasanya hadrat ini tiada menerima ia akan saat menidak2kan akan perbuatan tuhan seperti firmannya :

لا يسئل عما يفعل و هم يسئلون

jangan ditanya akan barang yang aku perbuat dan sekelian kamu itu akan ditanya intiha'

Kata Syech Abdul wahab Assya'rani

(syahadan) jikalau itu jua musyahadahkan insyaallah ta'ala sampai jua ia kepada allah ta'ala kerana maqam tauhidul af'al ini maqam yang di bawah segala2 daripada segala maqam arifin maqam tauhidul af'al ini satu martabat daripada beberapa martabat orang yang sampai kepada allah ta'ala kerana jalan sampai kepada allah ta'ala itu empat martabat seperti lagi yang akan datang insyaalah ta'ala pada akhir khotimah "Tiap-tiap" adalah sifat-sifat dualisma tuhan. "TIAP" adalah sifat fungsi ketuhanan.

(shahadan) maqam inilah yang mula2 ia anugerah akan Allah taala kepada orang yang salik atau

kepada orang yang lainnya iaitu seperti orang yang majzub umpamanya dan erti majzub itu orangyang diambil Allah taala dengan terkejut serta dirinya tahu akan mengenal zatnya dan sifatnya dan asmanya dan afalnya daripada tiada mengerjakan ibadat dan tiada talqin daripada guru dan tiada ijazah masyaih.

(shahadan) bahawasanya maqam inilah natijahtus suluk dan samarahnya ertinya jadi daripada orang yang salik dan buahnya (dan) erti salik iaitu orangyang bersunggoh2 ia ijtihadnya berbuat ibadat kepada Allah taala dengan riadhohijazah akan dia olih syehnya kepadanya dengan tiada cedera ia pada mengerjakan akan dia dan tiada menyalahi ia akan barang disuruhkan akan dia olih gurunya daripada segala ibadat dan lainnya (dan) erti arif itu iaitu orangyang mengenal Allah taala dan mengenal hamba lagi dapat ia membezakan antara kholiq dan makhluk dan musyahadah segala yang tersebut itu, Dan maqam inilah) maqam yang pertama daripada maqam arifin yang meyampaikan ia kepada maqam yang di atasnya iaitu **maqam tauhidul asma iaitu** maqam yang kedua daripada segala maqam ariffin.

الفصل الثانى فى بيان توحيد الاسماء

Kamus Tauhid Af 'al

- Aasar (اثار) *kesan / bekas*
- Fa'il (فاعل) *perlaku / pembuat / perlakun*
- Fa'lun (فعل *buatan / lakunan / kelakuan*
- Mumkin (ممكن) *yang diadakan / yang dicipta yang dilembagakan*
- Tafsil (تفصيل) *penjelasan /penerangan /kupasan*
- Qudrat ((قدره) *kuasa / daya / energy / force*
- asyia' (أشياء) *Setiap sesuatu / ada /keberadaan... ('keseolahan ada' namun 'tiada' kerana setiap keujudan cuma besifat sementara / khayalan / maya materi (dualisma)*
- labisa (لبس) *kekaburan / keracauan / hijab / kesamaran / kurang faham / kekalutlan dalam mengerti / keteledoran fikir*
- khitob (خطاب) *cerita / lakatkan /berita / sifatkan*
- Nafhun (نفخ) *tiupan ruh / menjana pergerakan*
- thoir (طائر) *unggas terbang / burung / yang bisa terbang*
- ijazah (إجازه) *izin / baiat / menurunkan*
- ijtihad (إجتهاد) *bersunggoh2 tanpa erti penat lelah*
- kholiq (خالق) *pencipta*
- majzub (مجذوب) *medapat ilham2 tanpa tunjuk ajar dari sesiapapun*

- masyaih (مشائخ) *guru yang mengajar dan pemberi pertunjuk*
- natijahtus suluk (نتيجة السولوك) tujuan / hasil pengembaraan rohaniyah
- riadhoh (رياضة) sentiasa melakukan
- samarah (ثمره) buah ato hasilnya
- talqin (تلقين) tunjuk ajar atau arahan

PASAL 2

Tauhidul Asma’

Bermula fasal yang kedua pada menyatakan tauhidul asma’ ertinya mengesakan allah ta’ala pada segala nama yang iaitu mengesakan yang dinamakan.

(shahadan) bermula kifiyat mengesakan Allah ta’ala pada segala asma’nya itu iaituseperti bahawa engkau pandang dengan mata kepalamu dan engkau syuhud dengan matahatimu bahawasanya segala asma’ itu kembali kepada ia kepada esa Allah Ta’ala.

Ya’ni segala yang bernama di dalam alam ini sekeliannya menzhohir asma’ iaitu menuntut ia akan ujud musamma maka tiada yang maujud itu pada haqiqat hanya allah ta’ala sendirian jua dan ujud segala alam ini hanya khayal dan waham juadengan dinisbahkan kepada allah ta’ala maka sebab itulah kembali segala asma’ itu kepada yang maujud iaitu allah subhanahu wata’ala dan ujud allah itu qhoim ia pada segala asma’ dan zhohir ia dengan dia itu satu jua ya’ni bahawasanya segala

asyia' itu kezhohiran dan kenyataan bagi zat yang satu jua dan yang zhohir dengan segala asyia' itu satu jua daripada tiada itihad dan hullul maha tinggi allah ta'ala daripada yang demikian itu akan sebagai tinggi yang amat besar sebab pun dibuat mithal olih setengah daripada segala arif billah itu kerana menghampir kepada faham jua.

Ada pun Allah subhanahu wata'ala itu maha suci dan maha tinggi seperti yangdimithalkan itu iaitu seperti kaca yang bertulis setengah merah dan setengahnya kuning dan setengahnya hijau maka dihantarkan akan dia di antara bumi dan cahaya benderang matahari maka betapa engkau lihat kepada benderang cahaya matahari itu tertulis ia pada bumi itu dengan warna nama tiap2 sifat yang ada ia didalam kaca itu padahal benderang cahaya matahari itu tiada berpindah ia ia kepadanya dan tiada bercerai ia daripada zat matahari itu serta yang demikian itu zhohir ia dengan segala sifat sekeliannya itu padahal matahari itu satu jua (maka) bicarakan olihmu akan mithal ini dengan bicara yang sempurna mudah2an mengasihani allah ta'ala akan dikau pada barangyang engkau dapat akandia muafakat ia bagi barangyang kami mithalkan akan dia itu. Setelah itu hai segala saudaraku yang arif jikalau sudah hasil bagimu

maqam ini kemudian maka tajjali hak ta’ala atasmu menselak2 daripada dinding menzhohirnya dengan dua isim yang menunjukan keduanya itu akan dikau atas binasa segala menzhohirnya itu didalam diri ahadiyah Allah ta’ala.

Apabila tajalli allah ta’ala dengan asma’nya zhohir atas hambanya nescaya melihat ia akan segala akuan ini sekeliannya diri haq ta’ala ertinya daripada sekira2 zhohir akuan itu dengan dia dan berdiri akuan itu dengan qhoyumnya dan kekalannya dan bahawasanya tiada bagi akuan itu ujud sendirian dan lagi tiada kuasa ia membezakan antara sesuatu daripada segala akuan ini ertinya daripada sekira2 bahawasanya[color blue] akuan itu sekeliannya makhluk allah ta’ala ya’ni mazharnya dan tempatnya bersandar kepadanya dan lagi memandang ia akan allah ta’ala itu haqiqat bagi segala akuan itu seperti, Firman yang maha tinggi :

فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا۟ فَثَمَّ وَجْهُ اللّٰهِ

“Barang di mana ada kamu maka adalah disana ujud Allah”

Ya'ni barang kemana engkau hadapkan akan muka kamu atau hati kamu atau rohmu atau akalmu adalah disana ujud Allah.

(**shahadan)** ketika itulah keluar satah daripada lidah hamba itu ya'ni mengeluarkan perkataan yang tiada diredhoi olih syara' maka iaitu bahaya musyahadah inilah kerana terdinding ia daripada memandang akuan ini dengan sebab memandang ujud allah yang mutlaq

Seperti kata Syech Abdul Karim Aljalili qadassallahu sirrahu:" *"Bermula terdinding hamba daripada memandang makhluk dengan sebab memandang ia akan hak ta'ala maka iaitu menjadikan hamba itu mengata tiada yang maujud didalam ujud ini melainkan ujud allah ta'ala bermula yang demikian itu kerana adalah maboknya dan ghoibnya seperti barangyang jatuh bagi halaj maka perkataan orangyang mabok itu tiada bolih dipegang intiha' maka sebab itulah*

Kata Sultan auliya' Maulana Alsyech Abdul Qadir jailani qadassallahu sirrahu : *"jikalau halaj itu ada masa aku nescaya akan aku ambil ia dengan tanganku ya'ni aku tegahkan akan orangyang hendak membunuh dia intiha'*

Bermula yang pertama daripada dua isim seperti isimnya (jami') ertinya yang menghimpunkan iaitu menghimpunkan bagi sekelian mazhar ini iaitu syuhudul kasrahfil wahdah ya'ni pandang banyak yang banyak pada yang satu muradnya

sekelian alam ini daripada zat allah ta'ala satu jua tiada daripada yang lainnya (dan yang kedua) daripada dua isim itu seperti isimnya (mani') ertinya menegahkan dengan zatnya itu bagi segala mazharnya iaitu zhohir ia daripada yang lainnya bermula muradnya itu daripada zat allah ta'ala jua terbitnya sekelian alam ini.

Maka adalah hasilnya adalah dalallah dua isim itu terhimpun sekelian alam ini kepada allah ta'ala dan tertegah daripada lainnya ya'ni]permulaan daripada allah ta'ala jua dan kesudahannya pun kembali kepada allah ta'ala jua, firman allah ta'ala:

وﷲ الأمر وإليه ترجعون

"Dan bagi allah ta'ala jua permulaan segala perkerjaan dan kepadanya kembali mereka itu"

Setelah itu maka apabila engkau pandang bahawasanya yang murah itu daripada allah ta'ala jua dan yang zhohir pada hamba itu mazhar isimnya yang bernamakarim jua dan demikian lagi apabila engkau lihat akan seseorang sabar ia daripada kesakitannya maka engkau syuhud dan engkau pandang bahawasanya yang sabar itu daripada allah ta'ala jua dan yang ada pada hamba itu mazhar isimnyayang bernama sawwirun kerana karim dan sawwirun itu keduanya isim allah ta'ala dan seperti demikian itulah tiap2 orangyang

bernama dengan barang nama ada ia maka adalah sekelian itu engkau syuhud dan engkau pandang mazhar asma' allah ta'ala jua.

(shahadan) kata setengah daripada 'arif billah :
"tiada bagi allah ta'ala itu sifat yang berdiri kepadanya dan yang bertambah ia atasnya seperti segala sifat ma'ani hanyasanya yang ada baginya itu asma' jua mengambil dalil mereka itu dengan dua dalil (suatu daripadanya) naqli iaitu quran dan hadith kerana tiada datang dalam quran dan hadith mengatakan bahawasanya allah ta'ala itu bersifat dan hanyasanya yang datang didalam quran dan hadith itu asma' jua. seperti firman allah ta'ala :

و لله الأسماء حسنى فاعوه بها

"Dan bagi allah ta'ala itu berberapa nama yang baik maka minta doalah kamu kepadanya dengannya"

Maka menentukan allah ta'ala akan dirinya dengan nama jua tiada bersifat, dan lagi sabda nabi saw:

وإنما تدعون من هو سميع بصير متكلم و هو معكم أينما كنتم

"Dan hanyasanya yang kamu seru itu tuhan yng mendengar lagi amat melihat lagi yang berkata2 padahal serta kamu barang di mana kamu"

Dan keduanya daripadanya ‘aqali iaitu pada akal bahawasanya allah ta’ala itu jikalau ada ia bersifat nescaya adalah ia majhul kerana tiada yang disifatkan itu melainkan yang majhul.

Bermula allah ta’ala itu terlebih ma’rifah daripada segala ma’rifah tiada berkehendak ia kepada sifat yang mengenal dia iaitu maha suci allah ta’ala itu daripada bersifat dengan sebab ma’ani yang demikian itu. Dan lagi pula betapa disifatkan allah ta’ala itu padahal ia menyucikan ia menyucikan dirinya daripada bersifat itu dengan nas quran dan hadith yang tersebut itu.

(shahadan) maqam inilah ya’ni maqam tauhidul asma’ maqm yang kedua daripada segala maqam ‘ariffin yang dianugerahkan allah ta’ala kepada orang yang salik atau kepada lainnya seperti majzub umpamanya dan maqam inilah natijah ertinya faedah dan samarah maqam pertama yang pertama itu maqam orangyang sentiasa memandang wahdatul af’al dan ialah yang menyampaikan akan dikau kepada maqam yang diatas iaitu tauhidus sifat iaitu maqam yang ketiga daripada segala maqam ‘ariffin.

Kamus Tauhid Asma’

- asma' (اسماء) nama2
- hullul (حلول) melingkupi / mengandungi berlawanan
- kepada meliputi / sebatian
- itihad (إتحاد) didalam
- kifiyat (كيفية) cara / kaedah / jalan2
- musamma (مسمى) yang dinamai
- mazhar مظهر penzhohiran / penyataan maya keseolahan ada/ ujud
- qhoyum قيوم berdiri / sifat kedirian awal
- satah سطح latah / membebel dengan tutur kata yang tidak mampu difahami orang kebanyakan
- dalallah (دلالة) dalil /bukti /pertunjuk penyataan
- jami’ (جامع) yang menghimpun/yang mengumpul
- alkasrah (الكثرة) banyak / berbilang2 / beragam2
- mani' (مانع) menegah / melarang / menghalang / mendindingi
- maujud (موجود) yang seolah2 ada / seakan gambaran bersifat dualisma
- murad (مرد) dikehendaki / bererti / kesimpulan
- syuhud (شهود) penyaksian / pandang tembus /
- melihat dengan daya ketajaman akal
- alwahdah (الوحده) ujud keesaan / satu ujud

- karim (كريم) permurah
- majhul (مجهول) yang dibodohkan / diperbudak2kan / tidak layak di didarjatkan
- mazhar (مظهر) tempat kezhohiranran / wadah kenyataan / wajah ujud
- naqli (نقلي) ambil / kutip / istinbat
- sawwirun (صور) melakar / menggambar / membentuk / menyerupa / melembaga / memberi susuk... dari khayal dan waham kepada seolah realit

PASAL 3

Tauhidul Sifat

Bermula fasal yang ketiga pada menyatakan tauhidus sifat (ya'ni) mengesakan allah ta'ala pada segala sifat berdiri ia pada zat allah itu, iaitu 'Ibarat daripada fana' segala sifat makhluk sama ada sifat dirinya atau lainnya sekeliannya fana' ia di dalam sifat allah.

Bermula kifiyat memandang dan musyahadahkan yang demikian itu iaitu seperti bahawa engkau pandang dan engkau musyahadahkan dengan matahatimu dan dengan 'itiqadmu bahawasanya segala sifat yang berdiri ia kepada zatnya itu iaitu seperti qudrat dan irodat dan ilmu dan hayat dan sami' dan basar dan kalam sekeliannya itu sifat allah ta'ala kerana tiada tiada ada zat yang bersifat dengan segala sifat yang tersebut itu pada haqiqatnya melainkan allah zat allah ta'ala juadan dibangsakan segala sifat ini kepada makhluk atas jalan majazi jua tiada pada haqiqatnya dan hanyasanya segala sifat yang tersebut itu ada ia berdiri pada segala makhluk itu iaitu mazharnya sifat allah ta'la jua.

Maka apabila tahqiqlah memandangmu dengan yang demikian itu nescaya fana’lah segala sifat makhluk itu di dalam sifat Allah ta’ala ya’ni tiada mendengar ia melainkan dengan pendengaran Allah dan tiada melihat ia melainkan dengan penglihat Allah ta’ala dan tiada tahu ia melainkan dengan tahu Allah ta’ala dan tiada hidup ia melainkan dengan hayat Allah ta’ala dan tiada berkata2 ia melainkan dengan kalam Allah ta’ala jua hingga yang lain daripada segala sifatnya sekeliannya itu dengan sifat Allah ta’ala jua.

Bermula dalil yang menunjukan atas bahawasanya tiada bagi hamba itu mempunyai sekelian sifat ini dan yang ada bagi hamba itu mazhar sifat allah ta’ala jua iaitu, firman Allah ta’ala didalam hadis qudsi :

ما تقرب إلىّ المتقربون بمثل أداء ما إفترضت عليهم ولايزال الغبد يتقرب إلىّ بالنّوافل حتى أحبّه فإذا أحببته كنت سمعه الذى بسمع به وبصره الذى يبصر به ولسنه الذى ينطق به ويده التى يبطش بها ورجله التى يمشى بها وقلبه الذى يضمر به

”Tiada menghampirkan olih segala orangyang menghampirkan dirinya kepadaku itu dengan seumpama mengerjakan barangyang aku

fardhukan atas mereka itu dan sentiasa hamba aku menghampirkan diarinya kepada aku itu dengan mengerjakan segala 'ibadat yang sunat hingga aku kasih akan dia maka apabila aku kasih akan dia nescaya adalah aku pendengaranya yang mendengar ia dengan dia dan penglihatanya yang melihat ia dengan dia dan lidahnya berkata2 ia dengan dia dan yang memegang ia dengan dia dan kakinya yang berjalan ia dengan dia dan hatinya yang bercinta ia dengan ia"

Dari Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW telah bersabda : "Sesungguhnya Allah Ta'ala berfirman : *Barangsiapa yang memusuhi waliKu (orang yang setia padaku), maka sesungguhnya aku mengisytiharkan perang terhadapnya. Dan tiada seorang hambaku yang bertaqarrub (beramal) kepadaKu dengan sesuatu yang lebih Ku cintai hanya dari ia menunaikan semua yang ku fardhukan ke atas dirinya. Dan hendaklah hambaKu sentiasa bertaqarrub dirinya kepadaKu dengan nawafil (ibadat sunat) sehingga Aku mencintainya. Maka apabila Aku telah mencintainya, nescaya adalah Aku sebagai pendengarannya yang ia mendengar dengannya, dan sebagai penglihattannya yang ia melihat dengannya, dan sebagai tangannya yang ia*

bertindak dengannya, dan sebagai kakinya yang ia berjalan dengannya. Dan sekiranya ia meminta kepadaKu nescaya Aku berikan kepadanya, dan sekiranya ia memohon perlindungan kepadaKu nescaya Aku lindungi ia"

(shahadan) bermula kifiyat tajjali sifat itu bahawa engkau pandang akan haq allah ta'ala itu bahawasanya hamba mendengar itu dengan allah maka fana'lah daripada segala keadaan mendengar ia dengan dirinya kemudian maka apabila tetaplah tajalli sifat yang satu itu daripada hatimu maka engkau pandang pula akan sifat yang lainnya hingga habis segala sifat itu dengan tadrij ertinya satu kemudian maka satu seperti bashar dan kalam dan ilmu dan irodat dan 'atho' dan mani ' maka tiada dipandangnya dirinya yang bersifat dengan yang demikian itu hanya menerima daripada sifat allah ta'ala jua kemudian daripada sudah hapus segala sifat yang lainnya itu maka tajalli pula atasmu maka engkau pandanglah akan dia bahawasanya ia jua yang bersifat haiyun maka fana'lah hayat itu daripada dirimu maka nyatalah bahawasanya tiada yang hidup hanya allah ta'ala jua maka apabila hasillah bagimu maqam fana' ini pada ketika itu maka jadilah engkau baqa' bi sifat illah maka berolih

kemenanganlah engkau pada ketika itu dengan mengenal maka kenallah akan dia dengan pengenalan yang layak dengan sempurnanya dan jadilah engkau pada ketika itu fana' fi sifat illah dan baqa' bi sifat illah dan memberi tahu allah ta'ala akan dikau pada ketika itu akan segala rahsia sifatnya yang mulia itu.

(shahadan) pada maqam al baqa' ya'ni maqam tauhid al sifat inilah kesudahan yang diharap dan yang dimaksudnya dan yang dicita dan yang dituntut dan pada maqam tauhid as sifat inilah kesudahannya sampai dari kebanyakan dari segala anbia' dan aulia' dan tiada yang melampaui akan maqam ini melainkan nabi kita Muhammad saw jua dan barang yang ada anbia' dan aulia' yang dibawah qidamnya.

(shahadan) faedah tajalli itu memandang ia akan sifat dengan tadrij ertinya satu kemudian maka satu kerana setengah daripada tajalli sifat itu terlebih keras daripada setengah yang lainnya dan lagi pula supaya tamkin dan tetap ia dengan yang satu itu dan manakala tamkin dan tetap dengan yang satu itu nescaya hasillah daripadanya dan kuat bertambah2 supaya dapat ia menanggung akan tajalli dzat kerana tiada kuasa seseorang menanggong akan tajalli dzat itu sebelum lagi

tamkin dan tetap pada tajalli segala sifat itu di dalam hati maka apabila sampailah seseorang itu kepada maqam ini nescaya jadilah ia kholifah allah ta'ala di dalam bumi ini dan menjadikan allah akan dia itu ganti pada meluluskan segala hukumnya pada segala hambanya seperti nabi adam as menjadi kholifah pada segala alam ini.

seperti firman allah ta'ala yang tersebut didalam alquran :

وإذا قال ربّك للملإئكة إنّى جاعل فى الأرض خليفة

"Tatkala berfirman tuhanmu bagi segala malaikat bahawasanya aku hendak menjadikan didalam bumi itu akan seorang kholifah"

Ya'ni yang menganti akan daku pada meluluskan pada hukumku didalam bumi maka tiada menjadikan ia akan kholifahnya melainkan bahawa mengajari akan dia akan segala asma' sekeliannya. seperti firman allah ta'ala :

وعلم آدم الأسماء كلّها

"Dan telah mengajari allah ta'ala akan nabi allah adam akan segala asma' sekeliannya"

Dan lagi menunjuki ia pada ketika itu akan barang yang sesat dan lagi mengetahui akan segala perkara

sekeliannya samaada nyata atau tersembunyi dengan pengajaran daripada allah ta'ala kerana jadi kholifahnya seperti

Kata setengah 'ariffin billah,:

من عرف الله لا يخفى عليه شيء

"Barang siapa mengenal ia akan allah ta'ala dengan sebenar2 pengenal nescaya tiada terlindung atasnya sesuatu jua pun"

Dan lagi menganugerahi allah ta'ala akan dia itu akan ilmu laduni iaitu ilmu yang diilhamkan allah ta'ala kepada hati hambanya dengan tiada wasitah mengambil talqin daripada masyaih iaitu ilmu yang tetap yang tiada bolih hilang dan lupa maka orang yang mempunyai ilmu itu dinamakan 'alim yang sebenarnya.

Seperti kata Abu Yazid Albustami qadassallahu sirrahu:

"Dan lainnya bukannya orang yang 'alim itu orang yang mehafazkan ilmunya daripada kitab apabila lupa ia akan barang yang dihafazkan itu maka jadilah ia jahil dan hanyasanya orang yang 'alim sebenarnya itu iaitu orang yang mengambil ia akan dari tuhannya pada barang waktu yang dikehendakinya dengan tiada sebab hafaz dan

daris maka orang itulah yang dinamakan al'alimu ar rabbani dan orang itulah yang diisyaratkan didalam firman allah ta'ala :

علّمنا من لدنا علما

dan kami ajar akan dia akan ilmu daripada kami"

Ya'ni dengan tiada wasitah dengan berlajar dan setengah ilmu itu dengan wasitah berlajar kepada makhluk kepada yang demikian itu tiada dinamakan dia ilmu laduni tetapi ilmu laduni itu yang terbuka pada sirr hati daripada tiada sebab yang menghasilkan akan dia pada khorij.

Kata Abu Yazid Albustami qadassallahu sirrahu bagi segala ulama' zhohir pada khasnya :

أخذتم علمكم ميتا من ميت وأخذنا علمنا من الحىّ الذى لا يموت

"Kamu ambil akan ilmu kamu hai ulama' az zhohir hal keadaannya mayat daripada mayat dan kami ambil akan ilmu kami itu daripada tuhan yang hidup yang tiada mati intiha'

Demikianlah hasil yang disebutkan olih imam alghazali di dalam ihya ulumuddin"

Adapun pada maqam ini melihatlah ia segala perkara sekeliannya samaada ia zhohir atau bathin

dan terbuka baginya segala haqiqat sesuatu dengan cahaya yang nyata yang menganugerah ia allah ta'ala akan dia tiada terlindung atasnya seberat zarah juapun daripada segala alam ini dengan barang yang muafakat dengan hal mereka itu dan anugerahnya itu iaitu tiada dapat seorang juapun menegahkan dia seperti yang tersebut di dalam alquran firmannya :

كلا نمدّ هؤلاء من عطاء ربّك وما كان عطاء ربّك محظورم

"Sekeliannya kami anugerah ia akan mereka itu dan mereka itu daripada pemberian tuhanmu itu tiada tertegah dan lagi pula pada maqam ini"

Mendengar ia akan segala seru samaada dengan lidah yang zhohir atau dengan lidah yang bathin iaitu 'ibarat daripada hathir hati samaada ia pada tempat yang jauh atau hampir jua jikalau balik jibal khof sekalipun yang seru itu nescaya didengarnya jua kerana padanya itu hampir jua sekelian alam ini (dan warid daripada) hadith bahawasanya sekelian alam ini pada aulia' allah ta'ala itu seperti qidam jua dengan semata2 anugerah allah ta'ala dan rahmatnya maka bersungguh2lah engkau hai saudaraku menuntut yang demikian itu supaya engkau dapat akan dia.

Dan bersungguh2 lah engkau pada memintak doa kepda allah subhanahu wata'ala kerana allah subhanahu wata'ala itu memperkenan pinta orang yang meminta seperti firman allah ta'ala :

أدعوني أستجب لكم

minta olihmu kepada aku nescaya aku perkenankan bagimu.

(shahadan) bersalahan ulama' pada segala sifat itu adakah ia diri zat atau lain daripadanya

Kata ulama' usulluddin ya'ni ahlus sunnah wal jumaah rodhiallahu anhu bahawasanya segala sifat ini sekeliannya qodim seperti zatnya jua dan qodimnya pun dengan qodim zat jua dan ujudnya pun dengan ujud zat jua ya'ni tiada bolih tanggal dari padanya tetapi adalah ia ma'ani yang berdiri kepada zat tiada lain daripada zat lagi bertambah atasnya maka pula ini adalah allah ta'ala qodirun biqudrotih muridun bi irodatihi dan alimun biilmihi haiyun bihayatihi samiun bisam'ihi dan basirun bibasrihi dan mutakallimun bikallamihi.

Dan kata ulama' ahlu Attassawuf ya'ni 'Ariffin billah qadassallahu asrarrahum : *"Bahawasanya segala sifat itu diri mausufya'ni diri zat maka atas qaul ini adalah allah ta'ala qodirun bizatihi dan muridun bizatihi dan alimun bizatihi*

dan samiun bizatihi dan basirun bizatihi dan mutakallimun bizatihi tiada lainnya

Dan kata Syechuna Al'arif billah Maulana as Syech Siddiq Ibni Umar Khan Talmiz almarhum Alqutub ar Rabbani Maulana as Syech Muhammad bin Abdul Karim as Saman almadani rodiallahu anhuma.

Bermula qaul yang mengatakan bahawasanya sifat itu diri mausuf tiada lain daripadanya maka iaitu atas jalan kasyaf dan musyahadah kerana qaul ini sabit pada mereka itu ya'ni ahlu attassawuf pada jalan kasyaf dan musyahadah kerana merekaitu sentiasa musyahadahkan allah maka dibukakan olih allah ta'ala akan merekaitu dinding sifatnya maka tiada dilihatnya dan didapatnya olih merekaitu akan sifat itu berdiri kepada ma'ni yang qoimun ia kepada zat dan hanya yang dilihat dan yang didapat olih merekaitu sifat itu berdiri kepada zat jua dan lagi pula mengambil dalil merekaitu dengan akal jikalau bahawasanya sifat itu lain daripada mausuf nescaya adalah allah ta'ala itu majhul yang berkehendak kepada sifat yang mengenalkan dia maha suci allah ta'ala daripada yang demikian itu tetapi adalah ia terlebih ma'rifah daripada segala yang ma'rifah (bermula) qaul yang mengatakan bahawasanya sifat itu lain daripada zat dan lagi

bertambah ia atasnya maka iaitu atas jalan ajal dan ‘itiqadiaitu terupa ia pada pihak akal kerana ia isim mushtaq maka tiap2 isim mushtaq itu tiada dapat tiada baginya daripada mushtaq minhu iaitu seperti qodirun umpamanya maka iaitu isim mushtaq ertinya yang diterbitkan maka tiada dapat tiada baginya itu mushtaq minhu yang diterbitkan daripadanya iaitu qudrah ya’ni bahawasanya qodirun itu isim fa’il yang diterbitkan ia daripada masdar iaitu qudrah maka qudrah itu iaitu sifat lain daripada zat tetapi tiada baginya ujud sendiriannya hanya ujudnya itu dengan tiada tanggal ia daripadanya dan qodimnya pun dengan qodim zatnya jua.

Dan lagi qaul terupa yang demikian itu pada ‘itiqad kita sebelum lagi sampai kepada maqam mukafahah ya’ni berhadapan dan musyahadah ya’ni berpandangan.

Adapun jikalau sudah sampai kepada maqam mukafahah dan musyahadah maka tiada dilihat disana sifat ini lain daripada saufun intiha’ dimithalkan seperti seorang orangyang dicari umpamanya dikhabarkan olih seseorang akan dia akan sifat hajarrul aswad itu seperti dikata orang baginya bermula hajarrul itu sangat hitam umpamanya maka ‘itiqadkan olih orangyang belum

melihat ia akan hajarrul aswad itu seperti yang disifatkan olih orangyang pada akalnya tatkala sebelum ia melihat dia sebab ada berdiri hitam itu kepadanya hingga dikata ia yang hitam maka menjazamlah pada 'itiqadnya dengan demikian itu kerana tiada dapat sekali2 dirupakan olih akal dikatakan yang hitam itu jikalau tiada berdiri hitam kepadanyalah maka dikata ia yang hitam maka tatkala sampailah ia kenegeri mekah umpamanya terpandanglah ia dengan dia dan dilihatlah akan haqiqatnya sebenarnya jua hajarrul aswad itu yang hitam seperti yang dikhabarkan olih orang itu jua maka hilanglah pada ketika itu 'itiqadnya yang mengatakan hitam itu berdiri kepada hajarrul aswad kerana sudah musyahadah nyata ia dilihat pada ketika itu tiadalah dilihat yang hitam berdiri berdiri kepada kepada lainnya daripada hajarrul aswad tetapi yang hitam itulah zat hajarrul aswad tiada lainnya faifham wassalam.

(soal) jika ditanya orang apa perbezaaan mazhab ahlu attassawuf ini dengan mazhabmu'tazillah.?

(jawab) bahawasanya mazhab mu'tazillah yang mengatakan bahawasanya sifat itu diri zat tiada lain daripadanya dan tiada bertambah atasnya itu iaitu 'itiqadkannya dengan ittihad ertinya bersuatu iaitu seperti bahawa ada bagi zat itu ujud istiqlal dan ada

bagi sifat itu ujud istiqlal maka dicampurkan keduanya itu menjadi satu seperti bercampur sakarnabat dengan air maha tinggi allah ta'ala daripada sangka mu'tazillah yang bidaah fasik itu dengan ketinggian yang amat besar.

(shahadan) bahawa maqam tauhidus sifat inilah maqam yang tetap dan rosih maka tatkala sudah habis segala tajalli sifat itu di dalam hati maka dianugerahkan allah ta'ala akan dia pada ketika itu kuat yang dapat ia menanggong akan tajalli zat jika dikehendaki allah ta'ala maqam inilah yang menyampaikan orang yang arif itu kepada maqam yang diatasnya iaitu maqam tauhiduz zat inilah maqam yang keempat daripada segala maqam ariffin wassalam.

Kamus Tauhid Sifat

- atho' (عطاء) memberi / menganugerah (khayalan, fantasia, waham, maya, sangkaan, dualisma keberadaan)
- Bashar (بصر) penglihatan / penyaksian / pemerhatian / pemusatan kearah imej2 avatar.
- baqa' bi sifat illah (بقاء) sebatian / kekal
- Fana' (فناء) binasa / lupus / kelenyapan / tanpa keberangkalian ujud.
- baqa' bi sifat illah (بقاء بصفات الله) sebatian / kekal dengan sifat ketuhanan
- haiyun (حىّ) hidup / berfungsi
- Ilmu (علم) pengetahuan / berkeadaan mengenal sesuatu
- Irodat (إرادة) berkehendak / membutuhi
- Kalam (كلم) berkata / berbahasa dan berbunyi dengan isyarah menggerakan bibir
- Mani' (مانع)melarang/menghalang dari memberi
- Tajalli (تجلّى) menyatakan keberadaan keatas sesuatu susuk tubuh
- Tajrij (تدريج) satu demi satu
- al'alimu ar rabbani (العلم الربّانى) memhami / mengerti / berilmu ketuhanan
- anbia' (أنبياء) nabi2 / pemberita2 / tukang2 cerita / ahli2 iluminati / para filosof2 agama

- aulia' (أولياء) wali2 / kekasih2 tuhan / yang bersandar setiap urusan kepada tuhan.
- kholifah (خليفة) bayangan / wakil / pengganti / dibelakang
- khorij (خارج) luar / tidak dari dalam
- laduni (لدنى) ilmu ilham / wahyu tanpa menuntut dari mana pihak
- masyaih (مشائح) guru2 kerohanian
- qidam (قدم) telapak kaki / dibawah hiraki
- tamkin (تمكين) keadaan
- talqin (تلقين) ajaran / pimpinan / tunjuk ajar
- wasitah (واسطة) perantaraan / orang tengah
- hathir (حطر) bisikan / goyangan / detak- detik
- jabal khof (جبل قاف) bukit khaf
- warid (ورد) kehendak / ya'ni / dimaksudkan / tujuan
- faifham (فإفهم) maka fahamkanlah
- 'itiqad pegangan (إغتقاد) / pendapat / fahaman / doktrin anutan
- istiqlal (إستقلال) didatangkan / dipindahkan
- jazam (جزم) berpegang teguh / menetap
- kasyaf (كشف) berpandang tebus / landas seakan melihat realiti
- majhul (مجهول) yang di bodoh / didungukan disifatkan sebagai tolol / diperkecil2kan / diperbudak2kan
- masdar (مصدر) nama terbitan / pronoun

- mukafahah (مكافحه) mengawal serta membiasakan
- mu'tazillah (معتزلة) kaum rationalis islam yang berpandulkan akaliyah dan tidak melibatkan diri dalam pertentangan politik antara ali ibn abu mutholib dan mu'awiyah bin abu sofyan
- musyahadah (مشاهده) penyaksian seakan2 fokus, lantas.. hadap meghadapi
- mushtaq (مشتق) isim atau kata nama yang dibina dari nama terbitan.. dengan berasakan tiga huruf asas namun memiliki ma'ani yang berbeza umpamanya: (قال و وإستقلال)
- qodim (قدم) dari awalan tanpa awalan
- qoimun (قائم) berdiri sendirian
- sabit (ثبت) tetap / keputusan / tidak ada perubahan
- sakarnabat (سكرنبات) gula ato manisan yang tersuling/ diperah dari tanam2an ato buah2an
- rosih (راسخ) jelas / berunsur fakta / logika
- sifat (صفة) oknum zat / dualisma zat / penyataan intipati
- talmiz (تلميذ) murid / pengikut / perlajar / penuntut bukan penkaji
  tanggal / bercerai / berpisah / tidak sebati / didalam atau diluar / tidak bersatu
- zat (ذات) intipati / materi awalan tanpa definasi

PASAL 4

Tauhidul Zat

Bermula fasal yang keempat pada menyatakan tauhid azzat ertinya mengesakan allah ta'ala pada zat dan maqam inilah yang setinggi2 maqam tiada lagi di atasnya daripada maqam ini yang sampai pengetahuan segala makhluk kepadanya dan kepadanya kesudah-sudahan musyahadah dan pandang segala orang yang 'arif dan kepadanyalah perhentian perjalanan mereka itu dan kepadanyalah diperolihi lazat yang terlintas pada hati manusia dan kepadanyalah sehingga2 dan sehabis2 sampai pengetahuan segala makhluk dan kepada maqam yang di atasnya daripada ini tiada siapa yang dapat pengetahuan akan dia hingga nabi mursal dan malaikat yang muqarrobin sekalipun tiada sampai kepadanya iaitu maqam kunnuhu zat allah ta'ala seperti firman allah ta'ala al baqarah, :

ويحذركم الله نفسه

dipertakuti allah ta'ala daripada sampai makrifat akan kunnuhi zatnya,

dan lagi sabda nabi saw:

كلّكم فى ذات الله أحمق

sekelian kamu mendapat akan kunnunhi zat allah ta'ala ahma'.

ertinya tiada mendapat kepada kunnunhi zatnya sekali2.

Kata Syech Abdul Wahab Assyarani qadassalahu sirrahu di dalam kitab aljuahir waddhurur daripada menterjemahkan kata Syechnya Ali Khawas rodhiallahu anhu.

Bermula pengetahuan akan hanya hak allah ta'ala itu tiada merasai dan mendapat akan dia olih seorang juapun daripada segala makhluknya kerana bahawasanya allah ta'ala itu bukan ia 'ain yang dihukumkan akandia olih akal dan bukan ia 'ain yang dihukumkan akan dia olih syuhud hati dan mata. tetapi adalah ia dibalik yang demikian itu maka bukan ia 'ain yang dikenal olih mereka itu akandia dan bukan ia 'ain yang dijahilkan olih mereka itu akan dia.

Dan barangsiapa mengetahui ia akan yang demikian itu maka wajib atasnya bahawa menyembah ia akan zat yang suci lagi ghoib

iaitulah 'ain yang disyuhud dan iaitulah 'ibadat yang sempurna 'ibadat wallahu 'alam ah.

(shahadan) tiada yang sampai kepada maqam tauhid azzat ini melainkan nabi kita Muhammad saw jua dan barang yang ada daripada segala anbia' dan aulia' yang di bawah qidamnya kerana tiada yang dijadikan allah ta'ala dengan zatnya itu hanya nabi kita Muhammad saw jua seperti yang tersebut di dalam hadis jabir rhodiallahu anhuyang lagi akan datang pada khotimah.

(shahadan) bermula kifiyat yang mengesakan allah ta'ala pada zat itu iaitu dipandang dengan mata kepala dan dengan mata hati bahawasanya tiada yang maujud di dalam ujud ini hanya Allah ta'ala jua iaitu 'ibarat daripada fana' segala zat kita dan segala zat yang lainnya daripada zat kita daripada segala makhluk di bawah zat allah ta'ala sekira2 tiada yang maujud melainkan allah ta'ala jua sendirian dan adalah ujud segala yang lain daripada segala makhluk itu menempati tiada kerana ujud yang lain daripada allah ta'ala itu bukan maujud sendirian hanya ia maujud dengan allah ta'ala juaertinya ujud yang lain daripada allah ta'ala itu qhoim ia dengan ujud allah ta'ala tiada qoim dengan sendirinya tetapi adalah ujud yang lain daripada allah ta'ala itu khayal ertinya menempati

akan ma'dum pada tempat yang maujud dan waham ertinya sangka dan bathil jua dengan dinisbahkan kepada ujud allah ta'ala.

Kata Syechuna al'arifi billah assyech Siddiq bin umar khan rohimallah :*"Bermula segala ujud ghairrullah itu seperti ujud yang kita lihat akandia di dalam mimpi jua tiada baginya haqiqat maka apabila jaga kita hilanglah ia seperti demikian itulah ujud ghairrullah apabila kita mati nescaya hilanglah ia maka baharulah pada ketika itu kita jaga dan kita lihat bahawasanya tiada baginya ujud yang sebenarnya*

Seperti sabda nabi saw: *"AN NASU NYAMUN FA IZA MATU INTABAHU"*, *Bermula segala manusia itu tidur maka apabila mati merekaitu baharulah jaga mereka itu.*

Maka adapun mati itu dua perkara pada istillah ahli attassawuf Pertamanya mati khassi namanya iaitu iaitu 'ibarat bercerai ruh daripada jasad.

Keduanya mati ma'nawi namanya iaitu yang diisyaratkan olih rasullullah saw dengan sabdanya: ***"mutu qabla antamutu waman arada ay yan zhuro ila mayyitin yamsi 'ala wajhil ardhi fal yan hur ila abi bakrin"***

Ya'ni matikan olihmu akan diri kamu sebelum lagi mati kamu dan barangsiapa menghendak melihat kepada mayat yang berjalan ia di atas bumi maka hendaklah lihat olihmu kepada abu bakar iaitu 'ibarat daripada mati nafsu yang amarah dan 'ibarat daripada pandang akan bahawasanya segala ghairrullah itu fana' dan tiada pada haqiqatnya 'intaha'

Bermula ujud allah ta'ala itu ujud yang sebenarnya dengan nisbah kepada tiap2 suatu yang lain.

Seperti sabda nabi saw *ALA KULLU SAIN MA KHALALLAHU BATHILUN* ertinya *ketahui olihmu bermula tiap2 suatu yang lain daripada allah ta'ala itu iaitu bathil jua adanya.*

Dan dalil yang menunjukan atas demikian itu amat banyak seperti firmannya *KULLU MAN ALAIHA FANIN WA YARQO WAJHU RABBIKA ZUL JALALI WAL IKRAM*

tafsirnya *Bermula tiap2 barangyang ada daripada segala haiwan atau yang bersusun atas zat dan sifat sekelian itu binasa pada masa yang dahulu dan pada masa sekarang dan masa yang lagi akan datang dan kekal zat tuhanmu ya Muhammad yang mempunyai kebesaran dan kemulian*

Dan lagi firman allah ta'ala *KULLU SAIN HALIKUN ILLA WAJHAHU* ya'ni *Bermula tiap2 sesuatu itu binasa ia pada masa yang telah lalu dan pada masa sekarang dan pasa masa yang lagi akan datang melainkan zat allah ta'ala jua yang tiada binasa.*

Dan sabda nabi saw *KANALLAHU LAM YAKUN SAI UN MA 'AHU*, ertinya *adalah allah ta'ala itu pada hal tiada ada sesuatu sertanya*, dan menambahi ulama (*WAHUWA ANA ALA HUWA ALAIHI MA KANA*, ertinya *dan iaitu adalah allah ta'ala pada sekarang ini atas barang yang ada ia atasnya telah berlalu.* dan lagi sabda nabi saw yang diriwayat akan dia olih Imam tarmizi: *WALADZI NAFSI BIYADIHIL LAU ANNAKUM DALAITUM BIHABLIN ILAL AEDHI LAHABITHA ALALLAHISTUMMA QORO 'A , HUWA AWWALU WAL AKHIRU*, erti *Demi tuhan yang ada diri Muhammad itu jadi dengan qudratnya jikalau kamu hulurkan akan tali daripada langit ke bumi nescaya turun sampai ia atas ujud allah ta'ala kemudian daripada ayat maka membaca rasul saw* (هو الأول والآخر) *hingga akhir ayatnya , Dialah yang awal dan yang akhir*

Bermula) hasilnya segala ujud suatu itu dengan dinisbahkan kepada ujud allah ta'ala yang haqiqi

itu khayal dan waham dan majaz jua kerana ujudnya antara dua ‘adam bermula ujud yang antara dua adam itu adam jua dan tiada ujud pada haqiqatnya itu dengan sendirinya tetapi adalah adanya itu dengan ujud allah ta’ala ya’ni qoim ia bijjudillahi ta’ala dan tiada ujud haqiqi itu hanya ujud allah jua.

Kata ‘arif billah maulana assayed Abdullah ibnu ibrahim mir’ani rohimallahu didalam tuhfatul mursalat: *Bermula segala mumkin yang maujud pada khorij itu pada sekira2 ujudnya iaitu ‘ain ujud alhaq subhanahu wata’ala dengan sekira2 zhohir mumkin itu lain daripada allah ta’ala dan sekira2 haqiqatnya ujud mumkin itu iaitu ‘ain ujud allah ta’ala dan mithalnya seperti buih dan ombak dan kendi yang jadi daripada air beku maka sekelian itu daripada sekira2 haqiqatnya ‘ain ujud air jua dan daripada sekira2 nafinya lain daripadanya intiha’*

Kata setengah ‘arif *bermula alam ini naskhah alhaq ta’ala.*

Dan kata setengah *ini cermin haq ta’ala*.

Kata AsSyech Al Akbar walkibriyat alahmar qadassallahu sirrahu di dalam fusus al Hikam.

Dan apabila adalah haq allah ta'ala itu waqayah bagi hamba pada suatu wajah iaitu keadaan haq ta'ala itu zhohir ia didalam cermin hamba dan jadilah hamba itu bathin dan apabila adalah hamba itu waqayah bagi haq ta'ala pada suatu wajah iaitu keadaan hamba itu zhohir ia didalam cermin haq ta'ala maka jadilah haq ta'ala itu bathin.

Maka engkau katalah hai salik pada sekelian yang maujud yang dizhohirkan ini barangyang engkau kehendaki dengan segala 'itibar yang bersalah2an.

Jikalau engkau kehendaki maka engkau kata iaitu makhluk yang zhohir ia didalam cermin haq ta'ala dengan 'itibar keadaan hamba itu waqayah akan ujud haq ta'ala iaitu ertinya pandang yang banyak didalam yang satu

Kata Syech Suhami qadassallah sirrahu sebab didahulukan 'itibar ini kerana terlebih sukar pada memfahamkan dia kepada segala akal orang awam.

Dan jika engkau kehendaki maka engkau kata akan dia itu haq ta'ala ertinya rupanya yang zhohir ia pada cermin makhluk dengan 'itibar keadaan haq ta'ala itu waqayah akan hambanya iaitu ertinya pandang yang satu dalam yang banyak.

Dan jika engkau kehendaki maka engkau kata akan dia itu haq allah ta'ala pun ia dan makhluk pun ia

dengan ‘itibar zhohir tiap2 satu daripada keduanya didalam cermin yang lain serta ketiadaan tamyiz akan dua cermin itu kerana bahawanya segala ‘itibar itu hanya thabit ia didalam ilmu haq ta’ala yang tiada mengubahkan dia olih cenderong pada segala wajah itu.

Dan jika engkau kehendaki maka engkau kata akan dia itu bukan ia haq allah ta’ala pada tiap2 wajah dan bukan ia makhluk pada tiap2 wajah dengan ‘itibar beza antara dua cermin itu pada satu wajah dan iaitu wajah yang membezakan ilmu itu daripada zat.

Kata Syech Abdul Ghani an Nablussi qadassallahu sirrahu

Bermula murad keadaannya itu bukan ia haq ta’ala pada tiap2 wajah itu tetapi adalah ia ‘itibar haq ta’ala itu pada wajah keadaannya maujud faqad dan murad keadaannya bukan ia makhluk pada tiap2 wajah itu tetapi adalah ia itu dengan dengan ‘itibar makhluk pada wajah keadaannya berupa jua intiha’

Dan jika engkau kehendaki maka engkau kata akan dia dengan hairan tercengang pada yang demikian itu iaitu seperti engkau kata tiada diketahui mana yang zhohir dan mana yang bathin kerana yang

zhohir pada cermin itu menjadilah ia bathin dengan ‘itibar keadaannya diri cermin dengan tilik yang lain.

Maka apabila engkau kenal dan engkau ketahui akan segala perkara wajah ini maka sanya telah nyatalah bagimu hai salik yang dituntut olih tiap2 seorang daripada segala orangyang mutaqin akan mertabat ujud dengan ‘itibar zatnya dan zhuhornya dan jika ada yaqin itu melazimkan bagi tahdid maka tiada mengapa yang demikian itu.

Dan dalil yang menunjukan tahdid itu tiada mengapa atas haq ta’ala bahawasanya jikalau tiada tahdid harus bagi allah ta’ala nescaya tiada menkhabarkan segala rasul itu dengan tahwil ya’ni yang warid daripada allah ta’ala pada hadrat zhuhornya dengan bertahwil haq allah ta’ala itu pada segala rupa.

Kata syech abdul ghani alnablussi qadassallahu sirrahu

Bermula murad dengan tahdid yang harus bagi allah ta’ala itu iaitu pada zhuhornya jua pada haq ta’ala tiada berubah pada sekira2 bathinnya atas barang yang ada atasnya yang maha besar lagi maha mulia intiha’

Iaitu barang satu daripada ahadiyat bahawasanya allah ta'ala itu tajalli ia pada hari qiamat bagi segala makhluk rupa yang dimungkarkan maka firman ia *ANA RABBUKUMUL 'ALA.* ertinya *Akulah tuhanmu yang maha tinggi* maka jawab mereka *NA'UDZU BILLAHI MINKA* ertinya *berrlidunglah kami dengan allah ta'ala daripadamu.*

Kemudian maka tajalli ia pada rupa segala 'itiqad mereka itu maka sujudlah mereka itu baginya.

Maka apabila adalah sekelian yang ada itu daripada martabat haq allah ta'ala serta bahawasanya baginya itu tahwil pada segala rupa padahal tiada rupa itu bagi segala 'ayan daripada sekira2 'adam.

Maka janganlah engkau pandang akan 'ain itu sama ada di dalam cermin haq ta'ala atau didalam cermin makhluk melainkan kepadanya jua dan tiada tertentu yang demikian itu dengan penglihatan tetapi tiada jatuh hukum itu melainkan atasnya sama ada hukum itu dengan lihat atau lainnya kerana ma'dum itu daripada sekira2 ia ma'dum tiada tetap baginya hukum maka tiada hukum itu atas segala 'ayan dengan melihat dan lainnya itu melainkan 'itibar thubutnya dalam ilmunya yang tiada bolih mengubahkandia daripada segala perkara intiha'

(Shahadan) Adalah wujud yang lain daripada Allah taala iaitu fana di bawah wujud allah taala maka tiadalah yang maujud hak allah taala jua dan wujud di alam ini mazhar wujud allah taala jua di ibarat misal oleh aribillah kerana menghampirkan kepada faham jua bukan hakikatnya.

Seperti laut dan ombak dan buih , maka laut dan ombak dan buih itu mazhar air jua dan tiada yang maujud hanya air jua dan tatkala zahir itu dengan rupa bergerak-gerak maka jadi dariapdanya ayat ombak dan buih dan tatkala luas tempatnya air iaitu jadi air laut tetap sekalianya ayat hakikat air jua tiada maujud pada sekaliannya ayat hanya air jua meliputi wujud air iaitu pada laut dan ombak dan buih kerana jikalau air itu tiada bergerak dan tiada nampak luas nsecaya tiadalah baginya ombak, buih dan laut, maka kembalilah ia kepada air semata-mata dan hilanglah omak, buih dan lautan itu padanya seperti demikinalah wujud allah taala itu meliputi wujudnya itu pada segala alam ini kerana alam ini tiada maujud hanya ia jua yang alam dan sekelaian itu fana pada wujud allah taala. seperti seperti firman Allah taala " *WALLAHU BIKULLI SAIN MUHITH*" ertinya *"Allah taala meliputi segala sesuatu".*

Bermula meliputi itu kata Syeikh Allamah al Arifbillah Maulana Abdul Rahman bin Abdul Azizi al Maghribi al Umary Rahimullah taala dengan zatnya yamg melazimkan baginya sifat pada makna yang tersebut itu kerana allah taala itu nama bagi zat yang wajib wujud yang mempunyai segala sifat kepercayaan dan kesempurnaan bukannya murad dengan meliputi itu dengan ilmu fekah seperti tinggal kebanyakan ilmu zohir yang terdinding mereka itu dariapa mengenall zat dengan sifatnya dengan sempurna pengenalan dan lagi Firmannya *WAILLAHIL MASRIQU WAL MAGHRIBU FA AI NAMA TUWALLU FASTAMMA WAJHULLAH*. ertinya *"Bagi allah taala jua musyrik dan maghrib dasn barang dimana hadap kamu maka adalah wujud Allah"* yakni barang ke mana engkau hadapakan akan muka mu itu hati atau ruh mu itu atau akal makada adalah disini zat allah, dan lagi firman nya: *'WAHUAWA NA AKUM AI NAMA KUNTUM"* ertinya *"Dan iaitu allah taala serta kamu barang dimana ada kamu"*

dan, Aurad dengan berserta itupun denga zatnya jua yang melazimkan baginya seperti pada makna fana sekalian alam ini maka tiada yang maujud itu

hanya allah taala jua maka barang di mana ada wujud itu adalah allah taala itu ....

Kata Sheikh Abdul Wahab Syaroni q.s syarah dalam kitab al jawaqitu wal jawahir :*"Barangsiapa mengatakan ma'iyah allah akan makluknya itu dengan sifatnya fekah maka lazimlah daripada katanya itu boleh nafikan sifat itu daripada zat maka yang demikian itu mustahil"*

Tetapi Barangsiapa mengata ia bahawasnya yang ma'iyah (penyertaan) itu kembali maka sifat jua itu bagi zatnya maka iaitu adab amat sempurna ia jikalau ada sifat allah itu taiada boelh bercerai denganzatnya sekalipun maka bercerai akan oleh mu akan dia kerana bahawasnya itu sangat halus.

(shahadan) bermula wujud allah taala dan zatnya itu bukan ia jama dan bukan ia jauhar dan bukan ia ardh dan bukania ittihad dan bukan ia hulul dan taiada i a berjihat dan tiada baginya jihat kerana bahawasnya ia tiada berhad dan tiada berhingga dan tiada baharu dan berlainan adalah itu dengan tiap tiapa sesuatu.

seperti firmannya : *LAIKAMISLIHI SA UN WAHUWA SAMI UL BASHIR*. ertinya : *Tiada seperti allah taala sesuatu jua apapun dan ia jua yang amat mendengar lagi amat melihat"* dan lagi

tiada ia bersahabat dan tiada ia beranak dan tiada ia diperanakan dan ia tiada sekutu baginya dan berkehendak tiap tiap barang yang lain kepadantya.

Seperti firmannya : *KUL HUWAL AHAD ALLAH HUSOMAD LAMYALID WALAM YU LAD*). ertinya “*Katakan oleh mu hai muhammad bermula allah taala esa dan yakni berkehendak tiap tiap orang yang lain kepadanya dan tiada ia beranak dan tiada ia dipernakkan dan tiada seorang jua pun yang sebangasa baginya”*

(Shahadan) manakala tahakik memadang mu akan bahawasnya tiada yang maujud ini hanya allat taala jua dan adalah wujud sekalian alam ini mazahir bagi wujud allah taala jua tiada baginya wujud pada hakikatnya hanyasanya khayal dan waham jua dengan dibangasakan kepada wujud allah dan tiada yang maujud pada hakikatnya hanya allha taasla jua maka fana pada ketika itu sekalian makhluk pada perbuatan allah taala dan asmanya pada sifat allah taala dan zat allah taala maka tiadalahtinggal lagi pada ketika itu pada makhluk hanya klhyal dan waham jua dan hapuslah sekelaian annarabbin pada muzar dan dilihatnya akan hakikat alam ini dengan sinarnya maka adalah dilihatnya segala perbuatan yang didalam alam ini sekelaiannya perbuatan allha taalaadalah hamalan sperti umpama binatang yang

tergantung pada hawa jua ditiup angin ke sanja ke sini tiada baginya perbuatan.

Demikianlah kelihatan sekalian asma yang di dalam alam ini semuanya dilahatanya asma allah taala lain sepertinya pun sekalian sifat allah dan wujudnya pun sekalian nwujud allahh maka menyalahi ia ketika itu dalam lautan ahdiyyat allah taala dan tiadalah hampir diharap akan selamanya drp empunya ayat dan snagatlah keras mabukya dengan sebab minum ia akan khamar hakikat dan tiadalah hampir harapana akan siuman drp sgt pening khamar itu

Kamus Tauhid Zat

- ahma' (أحمق) buta / tidak mampu memahami / sukar dicapai indera-rasa
- 'ain (عين) materi / kehadhiran / fenomena / fatasia
- ghairullah (غيرالله) bukan ketuhanan / selain tuhan
- kunnuhu (كنّه) keberadaannya / keadaannya / hal manifestasinya
- ma'dum (معدوم) tidak ujud / tidak dapat dikatakan ada kerana kepastian tiadanya / tidak juga bolih dikatakan kosong kerana tidak pernah adanya
- ma'nawi (معنوى) pengertian yang mendalam / pengertian disebalik tabir
- maujud (موجود) kelibat / keberadaan / dualisma zat (الفصل الرابع فى بيان توحيد الذات)
- adam (آدم) tidak pernah ada / tidak dapat dikatakan ada kerana tiadanya
- majaz (مجاز) dibolihkan bersahaja
- mumkin (ممكن) kemungkinanan sahaja adanya bukan sesuatu realiti / fantasia / imaginasi / pemikiran cuma / figments of the mind
- faqad (فقط) semata2 @ jua @ cuma @ hanya
- haq (حق) milik @ haqiqat @ kebenaran

- 'itibar (إعتبار) metafora / kiasan / gagasan kaedah / jalan pertunjuk
- murad (مراد) tujuan / bermaksud / mendatangkan ma'ana dan ma'ani
- tamyiz (تمييز) perbezaan / mencerai2kan hingga mendatangkan desriminasi atau kelainan
- tahdid (تحديد) menentukan / mempuat keputusan / menetapkan / kata penghujung
- tahwil (تحويل) penukaran / pelencungan / pengobahan / tidak telus dikaitkan dengan asal bicara
- thabit (ثابت) yg menetapkan / memutuskan / tidak berobah
- waqayah (وقاية) penjelmaan / tajalli / keberadaan / kehadiran / penyataan diri

PASAL 5

Maqam Fanafillah Dan Maqam Baqabillah

Maka ketika itu hasil padanya makam **"fanafillah"** ertinya bangsa wujudnya pada wujud allah dan masuklah ia dalam hadrat yang amat besar kerana belum lagi ia kamal kerana belum sampai ia kepada **maqam "billah"** ertinya. Kekal denagan dia memandang yang demikian ayat yang dikekalkan Allah taala.

B**ermula** maqam ini iaitu mensabitkan akan wujud segala akuan alam ini dengan memandang dan melihat akan keadaanNya mezohirkan wujud Allah taala, dan Iaitu dua perkara:-

Pertama Syuhud Alkasirah filwahdah

شهود الكثرة فى الوحدة

memandang yang banyak kepada yang satu.

Yakni pandangmu akan bahawasanya wujud segala makhluk ini Qiam ia dengan wujud (بوجود) Allah taala dengan sendirinya misal seperti kita lihat akan pohon kayu maka kita lihat adalah baginya pohon dan cawangan.

Dahan dan daun dan barang sebagainya maka kita tilik dan kita bicarakan dengan fikir HATI bahawa sekelian itu jadi daripada yang satu jua iaitu biji dan demikian lagi alam ini sekeliannya jadi daripada yang satu jua iaitu Allah taala "Fassamal" (فتاءمل) ertinya bicarakan olehmu.

Keduanya) Syuhud Al wahdah fil kasirah

شهود الوحد فى الكثره

memandang yang satu dalam yang banyak

Yakni pandang olehmu akan bahawasanya Allah taala itu maujud ia pada sekelian zatulwujud misalnya seperti kita lihat akan satu biji maka kita ibaratkan dengan zhon (ذهن) /fikiran itu bahawasanya daripada inilah jadi ia dan keluar segala daun dan cawangnya dan pohon dan barang sebagainya seperti demikianlah wujud Allah taala yang satu itu daripadanya jua terbit sekelian alam ini "Fassmal" (فتاءمل) iaitu pandang dengan zuki (ذوقي) / rasa dan tiada pandang quli (قولى) / perkataan dan lafaz (لفطى) / ungkapan kerana lemah segala lidah daripada mendapat dia lagi pula Quoli (قولى) dan lafaz (لفطى) itu tiada memberi feidah sebab itulah.

Kata Syaidi Mustafa Albakri radiollah huanhu
Bahawa jalan penghulu segala Arifin daripada orang yang mempunyai kebenaran itu amat nyata.

Radiollah huanhu ajamain iaitu ghaib tiada dapat oleh pacaindera yang lima dan tiada dipandang oleh mata dan berjalan itu dengan HATI kerana bahawasanya ia daripada perkerjaan yang ghaib maka wajib atas mereka yang benar membenarkan akan آثارث dan menerima bagi itu bersungguh-sungguh ijtihad (اجتهاد) /ketekunan dan berharap dan bersedia kerana bahawasanya jalan sukar atas nafas kerana keadaannya **itu ilmu zuki** itu tiada dapat disuratkan pada segala suratan ia dan barang siapa mengatakan dapat mendapat dia itu dengan lafaz dan Quol (قول)/ perkataan dan Taabir (تعبير) / ungkapan maka orang itu kafir zindik (نعودبالله من ذلك)

(sahadan) maka tajali Allah taala dengan zatnya daripada daripada tiada dengan wasitah (واسطة) / perantaraan sifatnya pada sesorang hamba yang dikehendaki akanNya umpamanya nescaya fanalah disisinya itu dirinya dan segala makhluk yang lainnya daripadanya dengan segala zat dan sifatnya maka tiadalah dapat ia menghabarkan akan tajali itu kepada sesorang jua pun.

Dan lagi pula tiada dapat akan dia dengan talkin daripada maisyeikh.

Mursid hanya sanya maisyeikh itu menujukkan jalannya dan tempatnya jua kerana ia amar zuki maka barang siapa tiada merasa zauk nescaya tiada mengetahui seperti kata hukama (من لم بذق لم بدر) ertinya *barang siapa tiada merasai nescaya tiada mendapat ia* (misal) seperti orang jawi (جاوى) / berkhatan yang dijawi umpama dikhabarkan orang akan dia rasa seperti begian-begian rasanya nescaya tiada mendapat ia akan rasa (سزجل) / sebenar pada hakikatnya kerana ia belum merasa maka jika sudah merasa akan dia barulah tahu ia rasanya itu.

Demikian lagi makrifat akan Allah taala jikalau orang yang sudah merasa akan dia nescaya tahu sendirinya ia tiada susah ia bercerita, dan tiada dapat segala Arifin itu mentakrifkan akan dia dan mengisyaratkan dia dan lemahlah mereka itu mengibaratkan dia seperti sabda :

سبحا نك ما عرفنك حق معر فتك

ertinya *"Maha suci engkau ya Allah tiada kami mengenal akan dikau akan sebenar-benar pengenalan akan dikau (dan) kelu lidah mereka itu daripada mengatakan dia "*

(seperti) sabda

من عرف الله كل لسا نه

ertinya *“Barang siapa mengenal ia akan Allah taala sebenar-benarnya nescaya kelu lidahnya kerana akan zuki “*

Bermula makna pandangmu bahawasanya Allah taala itu maujud ia pada tiap-tiap yang wujud itu syuhudmu akan hakikatnya dan keramahnya jika engkau sampai kepada mengenal akan zatnya dengan tiada haul (حول) dan tahjid dan kifiat dan syuhudmu akan Qudratnya dan kebesarannya jika engakau tidak sampai kepada mengenal zatnya dan hanya sampai kepada sifatnya jua kerana kebanyakkan Aulia sehingga-hingga sampai makrifat akan Allah taala kepada sifatnya jua dan tiada yang sampai kepada mengenal zatnya itu melainkan segala Aulia yang dibawah Kadam Nabi Kita Muhammad صل الله عليه وسليم seperti yang tersebut pada awal pasal yang keempat ini.

(sahadan) manakala merasa sesorang akan tajli zat itu padanya nescaya lenyaplah ia didalam "Laut Ahdiat" wujud mutlak yang ليس كمثل شىء dan tiada melihat ia akan membilang amal yang disandarkannya akan dia pada dirinya dan tiada kepada sesorang daripada makhluk dan tiada

membangsakan ia kepadanya dan suatu juapun dan tiada berpaling ia kepada segala ibarat seperti bahawa dibilangkannya perbuatan yang baik itu daripadanya dan tiada berpaling ia kepada suatu maqam daripada segala maqam barang maqam ada ia yang mengesakan ia akan dia dengan ithijadnya (اجتهاد) / ketekunannya bagi dirinya dan tiada tahu ia daripada sebab yang memperolehi akan dia daripada memandang wujud mutlak yang mendirikan dengan dia dan wujudnya (dan) adalah orang pada maqam ini tiada merasa akan suatu kerana bahawasanya tajli zat itu menghabisi ia dalam tempat pandangnya itu akan memandang wujud makhluk yang satu maka dengan sebabnyalah hilang akal pada yang lainnya dan terlebih ia dapat sangat tajli nur yang dipandang.

Kata Syeikh Huna al Arrif billah Maulana al Sabik Sidiq bin Umarhan Qudsiallah Sirihu

Bermula *barang siapa ada ia pada maqam ini nescaya tiada hampir ia pegangnya dengan syariat dan terkadang berkata ia dengan perkatan yang tiada diterima akan dia oleh segala ulama syariat maka (منو كس) / meletak hukum mereka itu akan dia dengan zindik kerana bahawasanya orang yang pada maqam ini iaitu orang yang mempunyai*

hakikat semata-mata tiada dengan syariat yang zahir intiba

Inilah kata Iman Junaid Radioallahuanhu

ertinya *"Tiada jua sampai sesorang kepada darjat hakikat hingga naik saksi padanya itu satu ribu daripada orang yang Sidiq dengan mengatakan bahawasanya orang ini zindik"*

kata Syeikh Abdul Wahab Alsyrani rahmatullah kepada Syeikh Ali Alkhawas qudsillah Sirihu

Apa darjat hakikat itu?

Maka jawabnya ; gurunya radioallahuanhu *darjat hakikat itu yaitu hilang segala wujud yang zohir ini pada pandangan bukan hilang pada Nafas Alamry* (نفس الامر) / pada hal yang sama maka apabila memandang ia dengan musyahadah ini maka tiada melihat ia dengan hatinya itu hanya Allah taala jua dan apabila tiada melihat ia melainkan Allah taala jua maka tiada mengetahui ia akan barang yang dikatanya itu tiada teringat katanya itu atas qaidah Syariat yang zohir maka tiada membenarkan segala orang yang Sidiq itu melainkan (منو كس) / meletak hukum mereka itu dengan zindik kerana memelihara atas Zahir syariat nabi kita Muhammad صل الله عليه وسليم kerana takut akan ditakuti oleh orang yang lain seperti barang yang jatuh "Hillaj"

Bermula yang dikehendaki dengan Sidiq disini iaitu orang yang menjalani ia akan jalan Syariat atas perkara yang (تمام) dan (كمال)

Kata Syeikh Abdul Wahab Alsyrani rohmatullah kepada gurunya (استاذث) / *perkara yang tersebut itu maka adalah tiada dapat tiada sampai bagi tiap-tiap orang yang salik itu kepada hakikat.*

Maka kata gurunya radoiallahuanhu yakni *bahkan sampai mereka itu kepada hakikat tetapi memelihara akan Allah taala akan orang yang salik itu dengan wasitah Syeikhnya pada membuka dinding itu atasnya hingga kembali ia kepada darjat ADAB yang dicela akan dia oleh Salaf yang soleh* والله أعلم *intiba'*

(sahadan) maka apabila nyata bagimu sekejap mata jua umpamanya rahsia yang engkau perolehi akan dia dengan musyahadah itu kerana mengekalkan (حضور) / kehadiran yang demikian itu daripada tiada tersilang-silang (غفلة) itu iaitu tiada daya melainkan bagi segala افراد / angota seperti anbia dan setengah daripada aulia yang kamil tiada yang lain daripada mereka itu.

Maka peliharakan olehmu akan dia dengan menutupi dia dan jangan engkau nyatakan kepada sesorang juapun kerana bahawasanya yang

demikian itu setengah daripada segala yang diharamkan oleh Allah taala menyatakan dia dan menyuruh Allah taala itu akan dia dengan menutupi dia dan menegahkan dia daripada membukakanya atas lisan Nabi Muhammad صل الله عليه وسليم sekira-kira sabda nabi :

و الله محارم فلا تمسكوها

dan bagi Allah itu beberapa rahsia yang diharamkan menyatakan akan dia

Maka janganlah kamu buka akan dia maka apabila nyata bagimu rahsia itu dengan zoki mu maka pelihara olehmu akan dia dengan mengerjakan segala suruhan dan menjauhi segala larangannya supaya tetap ia padamu kerana bahawasanya rahsia sir yang amat mulia dan sembunyikan olehmu akan dia daripada orang yang bukan Ahlinya kerana datang Syarak suruh menyembunyikan akan dia kepada orang yang bukan ahlinya sperti yang lagi akan datang Insyaalah.

Bermula orang yang ahlinya itu iaitu segala orang yang sunyi hati mereka daripada tiap-tiap yang lain daripada Allah Taala dan disediakan mereka itu bagi tempat menghantarkan akan dia dan kekal mereka itu akan (قبر) /makam baginya oleh mereka itu didalam dada. Maka tiada membei tahu akan

mereka itu atasnya kepada seorang juapun melainkan kepada orang yang menyuruhkan Allah Taala akan mereka itu bahawa diberi tahukan mereka itu akan dia atasnya kerana bahawasanya mereka itu pada maqam adap serta Tuhan mereka maka barang yang menyuruh Allah Taala akan mereka itu maka memperbuat mereka itu akan dia dan barang yang menegahkan Allah Taala akan mereka itu daripadanya maka menjauhkan mereka daripadanya.

Dan lagi **pula maqam "Baqa"** ini kembali kepada zahir Syariat Nabi Kita Muhammad صل الله عليه وسليم dan mengerjakan barang yang disuruh akan dia oleh syarak dan menjauhkan ia akan barang yang ditegahkan oleh syarak dan memberi ia akan yang mempunyai bahagian itu baginya dan menyempurnakan ia akan tiap-tiap yang mempunyai haq itu akan haqnya maka jadilah pada ketika itu ia (بقاءالله) itulah yang dituntut.